3	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko	Setiap suku tahun
4	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Teknologi Maklumat	Setiap suku tahun
5	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pembangunan Bumiputera	Setiap suku tahun
6	Jawatankuasa Lembaga Pengarah Imbuhan	Dua kali setahun

Tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dinyatakan dengan jelas oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut beroperasi berdasarkan terma-terma rujukan yang jelas. Setiap jawatankuasa diberikan peranan khusus dan membincangkan isu-isu mengikut bidang masing-masing. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut bermesyuarat pada waktu yang ditetapkan dan keputusan perbincangan mereka dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi pertimbangan seterusnya.

### 1. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit

Peranan utama Jawatankuasa Lembaga Pengarah Audit adalah untuk memastikan bahawa laporan kewangan syarikat dan pembentangan maklumat dilaksanakan secara telus dan proses pengauditan mematuhi tataurus audit yang baik serta mematuhi undang-undang dan peraturan. Jawatankuasa ini juga memberikan khidmat nasihat dan saranan kepada Lembaga Pengarah bagi penambahbaikan perkara-perkara yang berkaitan perakaunan, laporan kewangan dan kawalan dalaman syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan syarikat mengekalkan persekitaran kawalan dalaman yang kukuh dengan adanya satu sistem laporan audit yang komprehensif. Jawatankuasa ini juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan penyemakan terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Kualiti dan ketelusan maklumat kewangan;
- ii. Keberkesanan kawalan dalaman CGC dan kepatuhan kepada amalan tadbir urus;
- iii. Prestasi, kelayakan dan kebebasan juruaudit luaran;
- iv. Prestasi audit dalaman CGC; dan
- v. Kepatuhan CGC terhadap keperluan perundangan dan pengawalan yang ditetapkan.

## 2. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pelaburan

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pelaburan menentukan hala tuju strategik pelaburan CGC dengan menyemak semula peruntukan aset dan pelaburan portfolio setahun sekali atau lebih awal, jika perlu. Ianya dapat dicapai dengan mengambil kira situasi makroekonomi semasa dan akan datang serta kehendak pengambilan risiko dan pulangan CGC. Peranan-peranan utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Menyemak prestasi portfolio pelaburan;
- ii. Menyemak had/sasaran, tempoh dan struktur terma dan juga had tumpuan pasaran bagi setiap kategori aset;
- iii. Memastikan adanya laporan yang berkala dan mencukupi serta sistem kawalan dalaman; dan
- iv. Menimbang-cadangan pelaburan yang dibuat oleh pihak pengurusan.

## 3. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko membantu Lembaga Pengarah dengan mengadakan perbincangan khusus untuk menimbang dan membuat keputusan tentang isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko. Jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai penasihat yang membantu Lembaga Pengarah dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko-risiko berkaitan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan dan risiko-risiko lain bagi memastikan proses pengurusan risiko berfungsi dengan baik. Jawatankuasa ini kerap kali bermesyuarat dan sentiasa menyemak serta menilai rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan CGC mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam menangani isu-isu pengurusan risiko. Peranan utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan halatuju strategi pengurusan risiko secara keseluruhan bagi CGC;
- ii. Menyemak polisi dan tatacara untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan mengawal pendedahan risiko secara berkesan;

- iii. Menyemak kepatuhan pihak pengurusan terhadap polisi-polisi dan tatacara-tatacara sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan risiko;
- iv. Menyemak had kelulusan kredit yang dibenarkan kepada kakitangan tertentu, selaras dengan polisi dan tatacara yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- v. Menyemak penilaian pihak pengurusan terhadap kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan; dan
- vi. Memeriksa perkara-perkara lain yang berkaitan pengurusan risiko seperti yang diarah oleh Lembaga Pengarah kepada jawatankuasa ini.

## 4. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Teknologi Maklumat

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Teknologi Maklumat kerap kali menyemak dan membuat penilaian terhadap sistem dan infrastruktur teknologi maklumat CGC bagi memastikan keupayaannya untuk memenuhi keperluan perniagaan dan kehendak syarikat, terutamanya bagi pemerosesan dan penyimpanan data. Jawatankuasa ini juga membuat saranan kepada Lembaga Pengarah terhadap perkara-perkara yang berhubungkait dengan teknologi maklumat bagi memastikan agar sistem dan infrastruktur dapat disediakan bagi memenuhi keperluan CGC untuk jangka masa panjang. Peranan utama jawatankuasa ini adalah seperti tertera di bawah:

- i. Menyediakan halatuju terhadap keseluruhan strategi teknologi maklumat;
- ii. Menyemak perkara-perkara berkaitan polisi yang melibatkan infrastruktur teknologi maklumat CGC;
- iii. Menyemak dan mencadangkan belanjawan bagi teknologi maklumat kepada Lembaga Pengarah;
- iv. Menyemak keputusan analisa bagi projek teknologi maklumat yang berpotensi dan kemajuan pelaksanaan projek; dan
- v. Memastikan CGC memperolehi perkembangan teknologi maklumat yang terkini.

**5. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pembangunan Bumiputera**

Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pembangunan Bumiputera memberi panduan strategik dan halatuju bagi pembangunan usahawan Bumiputera yang berdaya maju di bawah pelbagai program CGC. Jawatankuasa ini juga mengawalselia perkara-perkara yang berhubungkait dengan pengurusan dan operasi dana-dana khas yang diperuntukkan bagi faedah usahawan-usahawan Bumiputera dan keseluruhan program-program pembangunan usahawan Bumiputera. Tanggungjawab utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Memastikan usahawan-usahawan Bumiputera diberikan akses pembiayaan yang sewajarnya dengan kos yang berpatutan;
- ii. Memastikan dana-dana khas diuruskan dengan baik dan disalurkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera yang berkeelayakan;
- iii. Memastikan polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengurus dan mengendalikan dana-dana khas;
- iv. Menyemak dan memberi saranan kepada Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa mengenai polisi dan prosedur yang berhubungkait dengan pembangunan usahawan Bumiputera;
- v. Mengawalselia program-program pembangunan usahawan Bumiputera dan menyediakan khidmat nasihat; dan
- vi. Membincang dan mengesyorkan perkara-perkara lain yang berhubungkait dengan pembangunan Bumiputera berdasarkan kepada saranan oleh Lembaga Pengarah kepada jawatankuasa ini.

**6. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Imbuan**

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Lembaga Pengarah Imbuan ialah untuk memastikan pakej imbuan kakitangan adalah berdasarkan polisi dan tatacara imbuan CGC. Jawatankuasa juga melakukan penyemakan terhadap polisi-polisi berkenaan dan membuat saranan bagi menangani isu berhubung dengan imbuan. Selain daripada itu, Jawatankuasa juga menyarankan kepada Lembaga Pengarah pakej imbuan yang kompetitif serta setimpal dengan prestasi keseluruhan CGC. Peranan utama jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan halatuju menyeluruh terhadap strategi imbuan kakitangan CGC;
- ii. Menyemak polisi keseluruhan dan rangka kerja imbuan untuk kakitangan bagi memastikan ianya sejajar dengan model perniagaan CGC dan dapat menarik serta mengekalkan tenaga kerja yang berkebolehan;
- iii. Menyemak prestasi dan sistem imbuan kakitangan serta memastikan sasaran prestasinya dapat diwujudkan;
- iv. Memberi nasihat berkaitan skim-skim imbuan berdasar prestasi bagi CGC;
- v. Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah akan khidmat penasihat dan perunding yang diperlukan bagi memenuhi tanggungjawabnya; dan
- vi. Menilai perkara-perkara yang berkaitan dengan imbuan kakitangan seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah kepada jawatankuasa ini.



## B. Jawatankuasa Pengurusan

Peranan utama Jawatankuasa Pengurusan adalah sebagai sumber utama terhadap halatuju dan keputusan yang dibuat untuk jabatan-jabatan di CGC. Jawatankuasa ini membentuk rangka kerja bagi setiap jabatan untuk memastikan setiap isu diuruskan oleh CGC dengan baik dan semua tindakan yang sewajarnya telah diambil bagi mengatasi isu-isu tersebut.

Terdapat sejumlah 11 Jawatankuasa Pengurusan pada tahun 2010. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

### Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan

1. Jawatankuasa Pengurusan
2. Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan
3. Jawatankuasa Pentadbiran Dan Operasi
4. Jawatankuasa Pengurusan Pinjaman
5. Jawatankuasa Pengurusan Tuntutan
6. Jawatankuasa Teknologi Maklumat
7. Jawatankuasa Pemacu Teknologi Maklumat
8. Jawatankuasa Inovasi Produk
9. Jawatankuasa Kepatuhan Audit
10. Jawatankuasa Pengurusan Risiko
11. Jawatankuasa Pengurusan Aset Khas

### Pemegang Saham

Pihak pengurusan memahami akan pentingnya ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam memastikan pemegang-pemegang saham terus yakin dengan CGC. Justeru itu, pihak pengurusan menitikberatkan kepentingan tadbir urus korporat yang baik dan berusaha untuk menerapkannya di dalam semua aspek operasi perniagaan. Pihak pengurusan juga berpendapat bahawa penyaluran maklumat yang tepat pada masanya kepada semua pemegang saham sebagai kunci utama mengekalkan hubungan yang baik dengan

mereka. Mesyuarat agung tahunan merupakan platform utama CGC bagi mengekalkan komunikasi secara terus dengan para pemegang saham, di mana mereka boleh membangkitkan sebarang pertanyaan berkaitan CGC secara keseluruhannya. Laporan tahunan dan laman sesawang rasmi CGC iaitu [www.iGuarantee.com.my](http://www.iGuarantee.com.my) juga merupakan cara komunikasi utama yang digunakan oleh CGC untuk menyampaikan maklumat penting mengenai prestasi, kewangan dan aktiviti-aktiviti utamanya.

### Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Audit Dalam

Lembaga Pengarah diberikan mandat untuk memastikan sistem audit CGC kerap kali disemak secara berkala sebagai satu cara untuk mengekalkan kebebasan dan objektiviti sistem kawalan dalaman serta pematuhan. Ini merupakan proses berterusan yang penting untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko utama yang boleh menjejaskan prestasi perniagaan CGC dan dengan itu membuat saranan bersesuaian ke atas pendekatan yang boleh diambil bagi mengurangkan risiko-risiko berkenaan.

### Audit Dalam

Proses pelaksanaan audit dalam merupakan kaedah yang digunakan oleh CGC untuk menilai dan menyemak pengurusan risiko yang sedia ada, pengawalan operasi dan kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Peranan Jabatan Audit Dalam adalah untuk melaksanakan pengauditan dalaman terhadap operasi pelbagai jabatan bagi menyemak kecukupan dan keberkesanan sistem pengawalan dalaman masing-masing, kualiti prestasi operasi berbanding dengan piawaian sedia ada dan sistem maklumat. Ini adalah bagi menentukan sama ada pelaksanaannya berada pada tahap yang ditetapkan. Saranan yang sewajarnya juga diberikan berdasarkan analisa yang diperolehi.

# PENYATA Pengerusi

## Para Pemegang Saham,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ke-38 bagi Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010.

Pada tahun 2010 situasi ekonomi telah mencatatkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Ekonomi global meningkat dengan pesat lanjutan daripada sokongan kukuh daripada permintaan domestik dan pemulihan di dalam sektor perdagangan antarabangsa. Ekonomi Malaysia pula telah berkembang pada kadar 7.2%. Sejajar dengan pemulihan keadaan ekonomi, CGC telah dapat menumpukan semula perhatiannya kepada model perniagaan yang lebih kukuh dan dalam masa yang sama mencapai mandatnya dalam meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS.

Pada tahun 2010, CGC terus memenuhi permintaan PKS terhadap jaminan kredit. Pinjaman berjumlah RM2.5 bilion telah diluluskan dan memanfaatkan lebih daripada 7,600 PKS dalam semua sektor. Pendapatan CGC telah merosot kepada RM256.0 juta daripada RM289.6 juta pada tahun 2009. Walaupun mencatatkan kemerosotan pendapatan, CGC telah mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM15.6 juta berbanding kerugian yang dicatatkan pada tahun 2009. Keuntungan tersebut dikecapi disebabkan oleh peruntukan yang lebih rendah bagi pinjaman-pinjaman tidak berbayar pada tahun berkenaan. Setakat 31 Disember 2010, dana pemegang saham CGC berada pada RM2.6 bilion. Kedudukan kewangan yang bertambah baik ini membolehkan CGC memenuhi mandatnya dengan lebih baik di dalam keadaan kewangan yang kukuh.

## SOROTAN

Seiringan dengan pemulihan ekonomi yang terus kukuh, CGC terus berdedikasi terhadap komitmennya membantu PKS yang berdaya maju dengan meluaskan jangkauannya dalam kedudukan kewangan yang kukuh. Visi tersebut telah dirangkumkan di dalam pelan perniagaan kewangan yang kukuh dirumuskan oleh CGC pada Mac 2010. Antara pemacu-pemacu strategiknya adalah jaminan dan produk perkongsian risiko yang akan memaksimumkan penggunaan sumber-sumber dengan berkesan dan penyediaan penambahbaikan perkhidmatan bimbingan dengan usahasama agensi-agensi lain. Modal CGC juga telah diperkukuhkan melalui suntikan ekuiti berjumlah RM150 juta oleh Bank Negara Malaysia bagi membolehkan CGC mengekalkan pertumbuhan yang mampan.

Tahun 2010 juga menyaksikan penyertaan CGC di dalam pembiayaan sektor teknologi hijau melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH). CGC telah diberikan mandat untuk menguruskan SPTH yang mana dana berjumlah RM1.5 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan sejajar dengan Polisi Teknologi Hijau Kebangsaan. Matlamat SPTH adalah untuk menggalakkan pelaburan di dalam sektor teknologi hijau iaitu sektor terbaharu yang dijangka akan menjadi salah satu pemacu terkini ekonomi negara. Sehingga 31 Disember 2010, CGC telah meluluskan RM145.4 juta bagi membantu membiayai 11 projek.



Sejajar dengan pemulihan keadaan ekonomi, CGC telah dapat menumpukan semula perhatiannya kepada model perniagaan yang lebih kukuh dan dalam masa yang sama mencapai mandatnya dalam meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS.

**Dato' Mohd Razif Abd. Kadir**  
Pengerusi



Untuk terus maju, CGC akan bergantung kepada teknologi bagi memacu kegiatannya yang mana lebih banyak tumpuan diberikan untuk membangunkan sistem teknologi maklumat bersepadu yang kukuh dan berkualiti.

Peranan kami dalam membantu PKS telah diperluaskan melangkaui penyediaan jaminan-jaminan pinjaman. Dengan penubuhan Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. sebagai anak syarikat CGC, PKS boleh mendapat akses kepada platform untuk membina prestasi kredit mereka dengan menggunakan sumber-sumber perbankan dan bukan perbankan yang menambahbaik simetri maklumat antara PKS dan institusi kewangan. Sehingga akhir Disember 2010, Credit Bureau Malaysia telah mengeluarkan 128,561 laporan kredit dan mempunyai keahlian sebanyak 40 buah institusi kewangan dan lebih daripada 28,400 PKS.

## MASA HADAPAN

Malaysia berkemampuan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang baik hasil daripada struktur ekonomi yang kukuh, penambahbaikan susunan institusi dan peningkatan asas makroekonomi. Sumbangan PKS amat diperlukan di dalam proses peralihan Malaysia ke arah ekonomi yang berpendapatan dan nilai tambah yang tinggi. Menyedari keadaan ini, Lembaga Pembangunan PKS Kebangsaan telah ditubuhkan bagi menyelaraskan polisi PKS pada peringkat kebangsaan dengan sokongan daripada SME Corp. Hasil daripada penubuhan tersebut, Pelan Induk PKS sedang disempurnakan yang akan menjadi langkah utama PKS ke arah merangsangkan lagi ekonomi negara serta membentuk entiti koperat yang berjaya di arena global.

CGC akan terus memainkan peranan utama bagi meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS dengan menawarkan skim-skim jaminan khusus dan perkhidmatan yang memenuhi kehendak PKS. Kami telah merangka pelan bagi memberi lebih tumpuan terhadap skim-skim jaminan sebagai kegiatan utama serta mengadakan lebih banyak usahasama perkongsian risiko dengan institusi-institusi kewangan. Kami akan menggiatkan usaha-usaha pemasaran dan promosi bagi memacu produk-produk dan perkhidmatan, khususnya

usahasama jaminan berportfolio serta akan terus menerokai produk-produk baharu dan berinovatif terutamanya untuk sektor-sektor berkembang pesat yang dikenalpasti di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Beberapa pelan juga sedia dibuat untuk mengembangkan lagi perniagaan perbankan Islam selari dengan rancangan kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa. CGC juga sedang mencari kaedah-kaedah untuk mempelbagaikan lagi kemudahan pembiayaan langsungnya serta akan bekerjasama erat dengan bank-bank lain untuk membangun dan memasarkan produk-produk pembiayaan langsung berkenaan.

Untuk terus maju, CGC akan bergantung kepada teknologi bagi memacu kegiatannya yang mana lebih banyak tumpuan diberikan untuk membangunkan sistem teknologi maklumat bersepadu yang kukuh dan berkualiti. Sistem ini akan dibangunkan untuk memberikan sokongan sewajarnya terhadap pelan perniagaan strategik CGC, khususnya di dalam usaha CGC untuk menambahbaik pemerosesan pinjaman berasaskan templat yang akan mempercepatkan proses pinjaman dan menambahbaik penilaian kredit. Sistem teknologi maklumat ini dijangka akan menjadi alat analisa yang diperlukan dalam memastikan analisa risiko, laporan dan pemantauan prestasi yang berstruktur dan konsisten. Sehubungan dengan itu, CGC merancang untuk memulakan inisiatif penting yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Risiko Bersepadu (IRMS). Sistem yang unik ini akan membolehkan CGC meningkatkan keupayaan operasi dan pengurusan risiko kreditnya dengan menggunakan sistem bersepadu yang kukuh dan berkualiti. Ianya perlu bagi menganalisa data, penyediaan laporan dan pemantauan yang tepat dan efektif. Lebih penting lagi, IRMS akan membolehkan CGC melaporkan semua data di dalam pelbagai dimensi bagi membolehkan penyediaan laporan dalam tempoh yang ditetapkan serta membantu di dalam membuat keputusan.

Kami telah merangka pelan bagi memberi lebih tumpuan terhadap skim-skim jaminan sebagai kegiatan utama serta mengadakan lebih banyak usahasama perkongsian risiko dengan institusi-institusi kewangan.

### PENGHARGAAN

Pada Mac 2011, Y.Bhg. Dato' Zamani Abdul Ghani telah bersara setelah berkhidmat sebagai Pengerusi CGC semenjak tahun 2005. Bagi pihak CGC, saya mengambil kesempatan ini untuk merakam ucapan terima kasih kepada beliau atas sumbangan besar terhadap inisiatif utama CGC sepanjang tempoh perkhidmatannya khususnya di dalam Pelan Tranformasi Perniagaan tiga tahunnya, penyertaan institusi kewangan Islam dan institusi kewangan pembangunan di dalam skim-skim jaminan CGC, penubuhan Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. dan penambahan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti jaminan berportfolio, pembiayaan ekuiti, pengsekuritan dan juga pengenalan kepada mekanisme pelarasan kadar faedah berdasarkan risiko (risk-adjusted-pricing mechanism). Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau dalam menjalani segala usaha pada masa hadapan. Y.Bhg. Dato' Sri Mohamed Nazir Abdul Razak, Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB pula telah melepaskan jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakam ucapan terima kasih kepada beliau di atas sumbangan yang amat berharga semasa tempoh beliau sebagai ahli lembaga pengarah dan berharap beliau beroleh kesejahteraan dalam menjalani segala usaha.

Saya juga ingin merakam penghargaan yang tulus ikhlas kepada rakan-rakan di dalam industri perbankan terhadap penyertaan yang menggalakkan daripada mereka di dalam skim-skim CGC. Kami memperakui peranan penting dan sumbangan berharga mereka terhadap pembangunan PKS melalui pelbagai skim jaminan di samping inisiatif-inisiatif yang dilakukan sendiri oleh mereka. Kami berharap akan berpeluang untuk saling bekerjasama dengan institusi-institusi tersebut pada masa hadapan untuk meluaskan lagi jangkauan CGC kepada PKS.



Saya juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah terhadap nasihat dan sokongan yang amat berharga di peringkat jawatankuasa-jawatankuasa penyemakan Lembaga Pengarah. Saya yakin bahawa mereka akan terus memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi dan kerjasama terhadap setiap inisiatif yang akan dilaksanakan oleh CGC pada tahun 2011 dan tahun-tahun seterusnya.

Akhirnya, saya merakam ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan serta juga dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan perdagangan terhadap sokongan berterusan mereka dan kepercayaan yang diberikan kepada CGC dalam melaksanakan mandat yang diberikan. Saya juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan dan warga kerja CGC terhadap komitmen dan sumbangan mereka ke atas pencapaian yang memberangsangkan serta menaruh harapan yang tinggi untuk masa hadapan dengan lebih berkeyakinan dan bersemangat.

**Dato' Mohd Razif Abd. Kadir**  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah

# LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

---

## PRESTASI KESELURUHAN

---

CGC telah menempuh situasi ekonomi yang mencabar selama dua tahun lepas memberi kesan terhadap prestasi keseluruhannya. Justeru itu, CGC bertekad untuk mengukuhkan kedudukannya dari segi kewangan dan juga sebagai institusi sokongan PKS terpilih bagi penambahbaikan kredit di negara ini berdasarkan keadaan ekonomi yang bertambah baik. Dari aspek-aspek berkenaan, CGC telah mencatatkan prestasi yang baik dan memperolehi keuntungan serta dalam masa yang sama mengekalkan jangkauan PKSnya pada tahun 2010 berbanding pertumbuhan negatif pada tahun sebelumnya. Ianya mungkin berpunca daripada pemulihan ekonomi yang kukuh dicatatkan pada tahun tersebut yang menghasilkan permintaan domestik dan luaran yang memberangsangkan serta tenaga kerja yang berdedikasi dan komited ke arah mencapai matlamat CGC.

Sejajar dengan visi untuk mempelbagaikan kemudahan pembiayaan kepada PKS, CGC telah membangunkan produk-produk yang inovatif bagi memenuhi keperluan terkini para PKS. Usaha ini disokong oleh aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang dilaksanakan bagi memastikan PKS memperolehi pelbagai kemudahan tersebut. Usahasama strategik dengan rakan-rakan perbankan dan program bimbingan dengan

agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan PKS telah dilaksanakan bagi menyokong inisiatif-inisiatif berkenaan. Inisiatif-inisiatif ini merupakan keutamaan CGC dan akan terus penting kerana ianya merupakan peluang terbaik untuk terus memelihara hubungan yang erat dengan komuniti PKS. Justeru itu CGC dapat membantu memperingkatkan akses pembiayaan serta pembangunan PKS.





CGC telah mencatatkan prestasi yang baik dan memperolehi keuntungan serta dalam masa yang sama mengekalkan jangkauan PKSnya pada tahun 2010 berbanding pertumbuhan negatif pada tahun sebelumnya.

**Datuk Wan Azhar Wan Ahmad**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## PEMBIAYAAN PKS

Pakej rangsangan ekonomi kedua yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2009 dan pemulihan ekonomi yang kukuh dicatatkan pada tahun 2010 telah mewujudkan suasana pembiayaan yang kondusif dan membantu PKS. Ini diakui oleh Pusat Perhubungan Bersepadu, Bank Negara Malaysia bahawa penerimaan kes berkaitan akses pembiayaan telah mencatatkan penurunan yang besar pada kadar 38% dan ini menggambarkan penambahbaikan di dalam situasi pembiayaan PKS. Akses pembiayaan yang mudah, kadar pinjaman yang rendah dan kecairan di dalam sistem pembiayaan adalah faktor-faktor yang menyokong permintaan pembiayaan PKS. Ini memberikan PKS sokongan berterusan untuk terus berkembang sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Pembiayaan belum jelas daripada institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi kewangan pembangunan bagi PKS mencecah RM141.1 bilion atau 37.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan sehingga akhir tahun 2010.

Pada tahun 2010, CGC telah menjamin 7,670 pinjaman bernilai RM2.5 bilion berbanding 14,073 pinjaman bernilai RM3.1 bilion pada tahun 2009. Penyumbang utama terhadap jumlah jaminan yang tinggi pada tahun 2009 berbanding tahun 2010 adalah Skim Jaminan Bantuan PKS yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu PKS berdaya maju yang dilanda krisis ekonomi global untuk memperolehi akses pembiayaan. Pada masa yang sama, jumlah PKS yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih kukuh serta rekod prestasi yang baik memilih untuk memperolehi pembiayaan secara langsung daripada institusi-institusi kewangan tanpa jaminan CGC telah meningkat pada tahun 2010.

Bagi menyokong inisiatif utamanya, CGC telah membangunkan produk-produk berinovatif bagi meluaskan lagi jangkauan kepada PKS dan mempercepatkan perkhidmatannya. Pada tahun 2010, CGC telah melancarkan dua produk berpakej bercirikan pemerosesan berasaskan templat bertujuan mempercepatkan pemerosesan pinjaman. Produk-produk berkenaan iaitu SME Express dan SME Quick Financing telah dilancarkan pada suku kedua tahun 2010. Di bawah produk berpakej yang unik ini, para peminjam dijamin

Akses pembiayaan yang mudah, kadar pinjaman yang rendah dan kecairan di dalam sistem pembiayaan adalah faktor-faktor yang menyokong permintaan pembiayaan PKS.

tempoh pemerosesan pinjaman selama tujuh hari dan perlindungan jaminan sebanyak 80% melalui skim Enhancer.

CGC juga melaksanakan program jaminan berportfolio dengan bank-bank yang telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan CGC khususnya bagi menawarkan pembiayaan berasaskan portfolio kepada PKS. Pada suku ketiga tahun 2010, CGC telah menandatangani perjanjian jaminan berportfolio yang menawarkan jumlah pinjaman bernilai RM50 juta kepada PKS di dalam sektor pemborongan, peruncitan dan perkilangan. CGC juga telah melancarkan satu produk terbaharu dinamakan SmallBiz Express (SBE) yang menggantikan Skim Jaminan Usahawan Kecil





(SJUK) pada Ogos 2010. Skim ini menawarkan pinjaman antara RM20,000 sehingga RM50,000 dan lindungan jaminan sehingga 80% serta disasarkan kepada peniaga-peniaga kecil yang mempunyai perniagaan berdaya maju. CGC juga memperkenalkan skim yang sama berlandaskan konsep syariah dinamakan SmallBiz Express-i (SBE-i).

Bagi menambahkan kemudahan pembiayaan kepada kontraktor Bumiputera, CGC telah mempromosikan secara agresif Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) yang berlandaskan konsep syariah. Hasilnya, peratusan bagi bilangan kelulusan pinjaman usahawan Bumiputera telah mencapai 32%. Bilangan permohonan yang diterima telah meningkat 15% kepada 3,770 permohonan berbanding 3,284 permohonan yang diterima dalam tahun 2009. CGC telah meluluskan sejumlah 171 permohonan pinjaman di bawah TPUB-i bernilai RM78.7 juta sehingga Disember 2010.

Jaminan kredit CGC telah memberikan manfaat terhadap kebanyakan sektor ekonomi khususnya bagi sektor perniagaan am, perkilangan dan pertanian yang mana masing-masing mencatatkan RM1.9 bilion, RM548.7 juta dan RM31.7 juta.

## SKIM-SKIM JAMINAN

Pada tahun 2010, CGC menguruskan 11 skim jaminan yang mana lapan daripadanya di bawah kategori Skim-skim Utama dan selebihnya adalah Skim-skim Pembiayaan Berprogram. Skim-skim tersebut seperti tertera di bawah:

### SKIM-SKIM UTAMA

1. Skim Kredit ENHANCER (ENHANCER)
2. Skim Kredit ENHANCER-i (ENHANCER-i)
3. Skim SmallBiz Express\*
4. Skim SmallBiz Express-i
5. Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT)
6. Skim Jaminan Laluan Terus-i (SJLT-i)
7. Skim Jaminan Laluan Terus - Start-Up (SJLT Start-Up)
8. Skim Jaminan Bank Terus (SJBT)

\* menggantikan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) semenjak Ogos 2010.

Dalam jangka masa panjang, CGC berharap agar PKS dapat menambahbaik amalan kredit melalui pelbagai inisiatif yang sedia ada supaya mereka dapat membina rekod prestasi yang baik dan menambahbaik tahap penerimaan bank.

### SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM

1. Skim Jaminan Anjal (SJA)
2. Skim Pembiayaan Francois (SPF)
3. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH)



## PINJAMAN YANG DIJAMIN (MENGIKUT SKIM)

Pada tahun 2010, dua skim yang menjadi penyumbang utama terhadap pertumbuhan keseluruhan pinjaman adalah ENHANCER dan SJLT, mencatatkan 49% (RM1.2 bilion) daripada jumlah keseluruhan jaminan pinjaman (RM2.5 bilion). ENHANCER menyumbangkan 32% dengan 2,366 pinjaman bernilai RM811.5 juta, manakala SJLT menyumbangkan 17% bagi 1,013 pinjaman bernilai RM421.2 juta.

TAHUN SKIM-SKIM	2009		2010	
	BIL. PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)	BIL. PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
<b>SKIM-SKIM UTAMA</b>	<b>3,345</b>	<b>830.5</b>	<b>4,383</b>	<b>1,262.6</b>
ENHANCER	1,471	506.0	2,152	731.3
ENHANCER-i	81	61.5	214	80.2
SJUK	1,176	36.7	1,004	29.9
SJLT	597	221.0	1,004	418.5
SJLT – Lain-lain	20	5.3	9	2.7
<b>SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM</b>	<b>10,704</b>	<b>2,268.5</b>	<b>1,895</b>	<b>676.2</b>
SJA	480	165.1	1,119	372.9
SPF	3	2.1	1	0.2
KJK-2	3	0.2	—	—
SAF	1,186	214.4	—	—
SMF	77	44.3	—	—
SME AGS	8,955	1,842.4	694	141.5
SME AGS-i	—	—	70	16.2
SPTH	—	—	7	81.5
SPTH-i	—	—	4	63.9
<b>SKIM-SKIM PEMBIAYAAN</b>	<b>24</b>	<b>12.6</b>	<b>727</b>	<b>355.3</b>
Pembiayaan Ekuiti	—	—	1	5.3
TPUB-i	24	12.6	171	78.7
Pembiayaan Langsung	—	—	555	271.3
<b>JAMINAN BERPORTFOLIO</b>	<b>—</b>	<b>—</b>	<b>665</b>	<b>201.2</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>14,073</b>	<b>3,111.6</b>	<b>7,670</b>	<b>2,495.3</b>

## TINJAUAN OPERASI

Tinjauan operasi memaparkan bilangan pinjaman dan nilai jaminan di bawah semua skim.

### 1. Arah Pinjaman

Bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin kepada tiga sektor utama adalah seperti tertera di bawah:

SEKTOR	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
Perniagaan Am	6,445	1,914.9
Perkilangan	1,133	548.7
Pertanian	92	31.7
<b>JUMLAH</b>	<b>7,670</b>	<b>2,495.3</b>

### 2. Taburan Pinjaman Mengikut Negeri

Tiga negeri penyumbang utama berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin adalah seperti tertera di bawah:

NEGERI	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
Selangor	1,548	538.1
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,267	543.8
Johor	905	270.8

### 3. Pinjaman Mengikut Kaum


Bilangan dan nilai pinjaman yang dijamin mengikut kaum adalah seperti tertera di bawah:

KAUM	BILANGAN PINJAMAN	NILAI (RM JUTA)
Bumiputera	1,777	588.0
Cina	5,492	1,817.5
India	325	68.8
Lain-lain	76	21.0
<b>JUMLAH</b>	<b>7,670</b>	<b>2,495.3</b>

### 4. Pinjaman Mengikut Saiz

Saiz pinjaman berdasarkan bilangan dan nilai pinjaman yang diluluskan bagi dua skim komersial utama adalah seperti ditunjukkan di bawah:

SAIZ PINJAMAN	SJLT		ENHANCER	
	BILANGAN	NILAI (RM JUTA)	BILANGAN	NILAI (RM JUTA)
RM100,000 dan ke bawah	158	11.1	494	39.5
RM100,001 – RM500,000	608	165.3	1,481	374.6
RM500,001 – RM1,000,000	170	128.4	289	220.8
RM1,000,001 – RM2,000,000	75	111.8	83	115.8
RM2,000,001 dan ke atas	2	4.6	19	60.8
<b>JUMLAH</b>	<b>1,013</b>	<b>421.2</b>	<b>2,366</b>	<b>811.5</b>



## SOROTAN KEWANGAN

Sejajar dengan usaha kami pada tahun 2010 untuk menambahbaik kedudukan kewangan CGC, kami memberikan keutamaan kepada kos operasi dan kualiti pinjaman secara keseluruhannya. Penambahbaikan infrastruktur pengurusan risiko kredit dalam penilaian kredit serta pengenalpastian dan pemantauan secara proaktif terhadap pinjaman tertunggak telah menyumbang kepada kualiti aset yang lebih baik. Selain daripada itu, usaha-usaha CGC dalam membantu para peminjam dengan memberi nasihat bagi melaksanakan pemulihan, penstrukturan semula dan penjadualan semula pinjaman-pinjaman mereka telah menyumbang kepada bilangan pinjaman gagal yang rendah. Dengan inisiatif-inisiatif berkenaan, CGC mencatatkan penurunan di dalam peruntukan terhadap pinjaman gagal (NPL) yang bernilai RM240.5 juta, berbanding RM306.8 juta pada tahun 2009.

Pada keseluruhannya, perbelanjaan operasi mencatatkan penurunan kepada RM302.1 juta daripada RM370.3 juta pada tahun 2009. Manakala yuran jaminan dan pendapatan pelaburan pula masing-masing mencatatkan RM112.2 juta dan RM137.8 juta, justeru itu CGC telah mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM15.6 juta pada tahun 2010.

CGC memperuntukkan sejumlah RM52.1 juta kepada rizab berbanding dengan RM70.9 juta pada tahun 2009. Rizab CGC adalah sebanyak RM725.3 juta setakat 31 Disember 2010 berbanding dengan RM713.6 juta pada tahun 2009.

Pada 31 Disember 2010, jumlah peruntukan untuk memenuhi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin oleh CGC adalah berjumlah RM230.2 juta berbanding RM353.8 juta pada tahun 2009.

Dari segi perolehan semula yang diterima, CGC telah berjaya memperolehi perolehan berjumlah RM49.7 juta, meningkat pada kadar 43.2% berbanding RM34.7 juta pada tahun 2009.

Pada keseluruhannya, CGC telah meluluskan secara kumulatifnya 2,771 akaun bagi tujuan subrogasi bernilai RM1,379.7 juta bagi pinjaman di bawah SJLT dan 294 akaun bernilai RM57.8 juta bagi pinjaman bukan-SJLT.

## STRATEGI PERTUMBUHAN DAN HALA TUJU

Dengan ramalan ekonomi negara yang positif, dijangka mencatat pertumbuhan antara 5-6% bagi tempoh lima tahun akan datang, kami percaya bahawa permintaan domestik akan bertambah kukuh bagi menyokong pertumbuhan PKS yang sebahagian besarnya berasaskan domestik. Selain daripada itu, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) menfokuskan kepada pembangunan PKS sebagai enjin pertumbuhan dan inovasi sejajar dengan aspirasi Model Ekonomi Baru. Pelaksanaan Projek Penggerak Ekonomi (EPP) di bawah 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dijangka akan meningkatkan permintaan domestik dan mempunyai kesan limpahan positif terhadap PKS. Tambahan pula, lanskap PKS juga dijangka akan menjadi lebih ketara dengan kemunculan sektor-sektor baharu di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) di samping sektor-sektor ekonomi utama seperti perkhidmatan, perkilangan dan pertanian sebagai sektor-sektor dominan pada masa akan datang.

Dari sudut pembiayaan, sektor perbankan dijangka akan menggiatkan daya usaha menawarkan lebih banyak pilihan pembiayaan dan perkhidmatan bertujuan untuk mendapatkan bahagian yang lebih besar daripada pasaran pembiayaan PKS yang sedang berkembang. Ini merupakan langkah positif bagi melengkapkan lagi usaha berterusan kerajaan dalam meluaskan akses pembiayaan PKS.

Dengan ramalan masa hadapan yang cerah, CGC akan gigih berusaha untuk mengukuhkan lagi peranan yang telah dimandatkan dengan menawarkan skim-skim jaminan dan perkhidmatan

yang spesifik bagi memenuhi keperluan para PKS. Perancangan telah dirangka untuk memberikan lebih banyak tumpuan terhadap jaminan sebagai aktiviti utama kami serta mengadakan lebih banyak usahasama perkongsian risiko dengan institusi-institusi kewangan. Selain daripada itu, perancangan telah dibuat untuk mengembangkan lagi perniagaan perbankan Islam selaras dengan rancangan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa. CGC juga sedang mencari kaedah untuk mengembangkan lagi kemudahan pembiayaan langsungnya. Justeru itu, CGC akan bekerjasama erat dengan bank-bank lain untuk membangun dan memasarkan produk-produk pembiayaan langsung.

Bagi meningkatkan keberkesanan jangkauan CGC, rangkaian cawangan-cawangan kami akan mengambil langkah meningkatkan peranannya dengan melakukan jualan dan pemasaran. Bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kami, pemerosesan berasaskan templat akan diperkenalkan secara berperingkat di cawangan-cawangan. Ini akan membolehkan pemerosesan dan kelulusan permohonan pinjaman yang lebih pantas. Dengan adanya langkah tersebut, PKS akan menikmati tempoh pemerosesan pinjaman yang singkat dan penambahbaikan khidmat pelanggan. Pendekatan ini juga akan membolehkan CGC menjimatkan kos dalam pemerosesan pinjaman serta menambahbaik pemantauan permohonan pinjaman bagi memastikan kualiti pinjaman dapat dikekalkan.

Dalam usaha untuk meluaskan jangkauan, CGC akan menawarkan pinjaman bersaiz kecil bagi memastikan lebih banyak PKS memperolehi manfaat daripada skim-skim jaminannya. Pendekatan ini juga akan membantu CGC untuk menguruskan dengan lebih baik risiko yang diambil.

Dari segi produk, CGC akan menggiatkan usaha untuk membangunkan produk-produk terbaharu di samping mengubahsuai pakej produk sedia ada untuk memenuhi keperluan khusus PKS di dalam pelbagai sektor. Di samping itu, CGC akan memulakan inisiatif utama yang lain dengan menumpukan kepada pengembangan kemudahan pembiayaan langsung. Walaupun produk ini agak baharu bagi CGC, namun pembiayaan langsung terbukti menjadi saluran efektif bagi PKS untuk memperolehi pembiayaan pada kos yang efektif dan dalam masa yang sama membantu CGC



mencapai kekukuhan kewangan. Kini, CGC menawarkan Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) yang menawarkan modal dalam bentuk pembiayaan kontrak kepada usahawan Bumiputera.

CGC yakin bahawa inisiatif-inisiatif tersebut akan membolehkan CGC menambahkan lagi pembiayaan kepada PKS. Dalam jangka masa panjang, CGC berharap agar PKS dapat menambahbaik amalan kredit melalui pelbagai inisiatif yang sedia ada supaya mereka dapat membina rekod prestasi yang baik dan menambahbaik tahap penerimaan bank. Kami berharap dengan adanya kedudukan kredit yang kukuh, PKS akan berada pada kedudukan yang lebih baik bukan sahaja untuk memperolehi pembiayaan tetapi juga peluang-peluang perniagaan yang baik. Kelebihan boleh digunakan oleh mereka bagi merealisasikan potensi perniagaan dan menyumbang secara efektif kepada ekonomi negara. Dalam masa yang sama, ianya membolehkan CGC menyalurkan dana yang terhad kepada PKS lain yang berdaya maju dan amat memerlukannya.


Walaupun kami optimis serta berhati-hati, prestasi keseluruhan CGC yang memberangsangkan pada tahun 2010 memberikan petunjuk yang baik bagi rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk tempoh tiga tahun akan datang. Sehubungan dengan itu, CGC akan terus memberikan tumpuan bagi meluaskan jangkauan kepada PKS dan dalam masa yang sama meneruskan matlamat jangka panjangnya untuk mencapai kekukuhan kewangan.

**Datuk Wan Azhar Wan Ahmad**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# SOROTAN OPERASI


## BILANGAN DAN NILAI PINJAMAN DIJAMIN TERKUMPUL DI BAWAH SEMUA SKIM

	2006	2007	2008	2009	2010
Bilangan	365,446	378,450	388,818	402,891	410,561
Nilai (RM bilion)	34.2	38.8	41.8	44.9	47.4



## PINJAMAN DIJAMIN (MENGIKUT BILANGAN DAN NILAI) DI BAWAH SEMUA SKIM



	2006	2007	2008	2009	2010
Bilangan	7,523	13,004	10,368	14,073	7,670
Nilai (RM bilion)	3.0	3.9	3.0	3.1	2.5



TABURAN SAIZ PINJAMAN DI BAWAH SEMUA SKIM


SEMUA SKIM

Taburan Saiz Pinjaman (RM)	Bilangan	Peratus (%)	Nilai (RM Juta)	Peratus (%)
100,000 & ke bawah	2,219	28.9	125.4	5.0
100,001 - 500,000	4,438	57.9	1,197.2	48.0
500,001 - 1,000,000	709	9.2	536.4	21.5
1,000,001 - 2,000,000	259	3.4	383.8	15.4
2,000,001 & ke atas	45	0.6	252.5	10.1
<b>Jumlah</b>	<b>7,670</b>	<b>100.0</b>	<b>2,495.3</b>	<b>100.0</b>




PECAHAN PINJAMAN BERDASARKAN KAUM UNTUK SKIM UTAMA, SKIM PEMBIAYAAN DAN JAMINAN BERPORTFOLIO (MENGIKUT NILAI PINJAMAN)

Bangsa	Peratus (%)	Nilai (RM Juta)
Bumiputera	21.4	389.3
Cina	74.9	1,362.7
India	2.9	53.0
Lain-lain	0.8	14.1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>1,819.1</b>



PECAHAN PINJAMAN BERDASARKAN KAUM UNTUK SKIM-SKIM PEMBIAYAAN BERPROGRAM (MENGIKUT NILAI PINJAMAN)

Bangsa	Peratus (%)	Nilai (RM Juta)
Bumiputera	29.4	198.7
Cina	67.3	454.8
India	2.3	15.8
Lain-lain	1.0	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>676.2</b>



# SOKONGAN PELANGGAN



Berasaskan kepada kepercayaan bahawa tahap perkhidmatan yang tinggi dan khidmat pelanggan yang cemerlang bermula daripada pemahaman yang betul terhadap keperluan pelanggan, CGC sentiasa mencari cara-cara baharu untuk memberikan perkhidmatan yang cepat dan berkesan. Dengan adanya pegawai-pegawai khidmat pelanggan yang berpengetahuan dan terlatih, CGC melalui Pusat Khidmat Pelanggannya telah mengendalikan lebih daripada 27,000 pertanyaan daripada pelanggan dari seluruh negara dalam tahun 2010. Pertanyaan-pertanyaan ini telah diselesaikan dalam tempoh sepertimana ditetapkan dalam piagam pelanggan CGC. Kebanyakan pertanyaan adalah berkenaan skim-skim jaminan dan tatacara permohonan pinjaman, status permohonan dan perkhidmatan ditawarkan oleh BASE (Entiti Khidmat Nasihat Perniagaan).

Lebih penting lagi, CGC juga menawarkan pilihan untuk mengstruktur semula pinjaman bagi membantu peminjam yang menghadapi kesulitan untuk memastikan mereka terus memperoleh akses pembiayaan. Pada tahun 2010, CGC berjaya mengstruktur semula sebanyak 526 pinjaman iaitu secara puratanya 44 pinjaman dalam sebulan. Sebahagian daripada pelbagai usaha untuk memudahkan lagi pembayaran balik pinjaman, CGC telah memperkenalkan dua lagi kemudahan pembayaran balik yang fleksibel iaitu penebusan dan penukaran pinjaman. Kemudahan ini adalah untuk para peminjam yang mempunyai akaun pinjaman yang baik tetapi mengalami masalah aliran tunai. Pilihan pembayaran balik ini menawarkan para peminjam pelan alternatif pembayaran balik yang lebih mudah untuk diuruskan oleh mereka. Dalam tahun 2010, CGC telah menebus sejumlah 440 akaun bernilai RM206.5 juta dan menukar sejumlah 115 akaun bernilai RM64.8 juta.

Sejajar dengan langkah strategik CGC untuk memberikan lebih tumpuan terhadap penambahbaikan produk serta pemasaran dan promosi yang agresif, bahagian sokongan pelanggan telah menggalas tanggungjawab utama memberikan sokongan jitu terhadap aktiviti-aktiviti pemasaran. Sehubungan dengan itu, CGC telah menambahbaik sokongan pelanggan dengan melaksanakan secara proaktif pelbagai program bimbingan yang bukan sahaja meluaskan jangkauan kepada PKS, tetapi

***"Kualiti perkhidmatan atau barangan bukanlah bergantung kepada apa yang ditawarkan, tetapi ianya bergantung kepada kepuasan pelanggan."*** Peter Drucker

juga mengembangkan saluran komunikasi. CGC juga telah memperkenalkan produk baharu dengan kerjasama rakan perbankan bagi mempercepatkan kelulusan dan pengeluaran pinjaman. Contohnya, di bawah Jaminan Berportfolio, di mana pemerosesan dibuat secara berkelompok, CGC mengambil masa tiga hari bekerja sahaja untuk memproses dan meluluskan sesuatu permohonan.

CGC juga kerap kali terlibat dalam pelbagai aktiviti sokongan untuk meluaskan lagi jangkauan kepada PKS termasuk menganjurkan pelbagai program latihan, seminar dan sesi taklimat di seluruh negara. Khidmat nasihat dan perundingan juga disediakan semasa program-program tersebut. Pada peringkat cawangan pula, CGC terlibat secara proaktif dalam aktiviti-aktiviti seumpamanya untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan. Beberapa siri klinik keusahawanan yang telah dianjurkan pada tahun 2010 menunjukkan komitmen CGC menyediakan perkhidmatan pelanggan. Maklumat berguna berkenaan cara-cara memulakan perniagaan, kepentingan pengurusan aliran tunai dan amalan kredit yang baik adalah mustahak bagi kejayaan setiap perniagaan, telah disampaikan di dalam forum tersebut. Secara ringkasnya, aktiviti-aktiviti tersebut telah memberi CGC peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pelanggan berpotensi dan memberi peluang kepada mereka mengenali skim-skim yang ditawarkan oleh CGC.

Dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan serta pelbagai program penambahbaik perkhidmatan yang sedang dirancang, adalah menjadi harapan kami agar mutu perkhidmatan ini akan meningkat ke tahap yang terbaik serta menjanjikan khidmat dan sokongan pelanggan yang cemerlang demi memenuhi keperluan pembiayaan kepada para pelanggan.



# SOROTAN PERISTIWA

## CGC MENANDATANGANI PERJANJIAN BAGI SKIM PEMBIAYAAN TEKNOLOGI HIJAU DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Bersempena dengan pelancaran rasmi Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH) oleh Y.A.B. Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 26 Januari 2010, satu Perjanjian Pengurusan antara CGC dan Kementerian Kewangan telah ditandatangani untuk memuktamadkan pengurusan skim jaminan kerajaan tersebut oleh CGC. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan CGC dan Y.Bhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disaksikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.B. Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Skim tersebut dengan dana berjumlah RM1.5 bilion diwujudkan untuk menggalakkan pelaburan di dalam teknologi hijau dengan menyediakan pembiayaan kepada syarikat yang mengguna dan mengeluarkan teknologi berkenaan. Kerajaan memberikan 60% lindungan jaminan dan baki 40% oleh institusi-institusi kewangan.



## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENDOKONG UTAMA PKS KE-15

CGC telah mengadakan majlis penyampaian Anugerah Pendokong Utama PKS ke-15 pada 1 Jun 2010 bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan ke-37. Anugerah tersebut yang menghargai sumbangan institusi-institusi kewangan telah disampaikan kepada para pemenang bagi kategori Bank Komersil dan Kategori Bank Islam. Penerima-penerima anugerah bagi kategori Bank Komersil adalah Maybank, Public Bank, RHB Bank dan CIMB Bank, manakala bagi kategori Bank Islam pula, anugerah tersebut dimenangi oleh Bank Islam. Anugerah Rakan Kewangan Terbaik yang menghargai sumbangan terhadap aset kualiti telah dimenangi oleh Maybank. Semua anugerah telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Zamani Abdul Ghani, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia merangkap Pengerusi CGC.

## PERJANJIAN JAMINAN BERPORTFOLIO DITANDATANGANI DENGAN KUMPULAN PERBANKAN RHB

CGC telah menandatangani Perjanjian Jaminan Berportfolio (PG) dengan Kumpulan Perbankan RHB, bank tempatan pertama yang memperolehi perjanjian eksklusif berkenaan. Perjanjian tersebut, yang ketiga seumpamanya, telah ditandatangani antara CGC dengan institusi-institusi kewangan merupakan komitmen berterusan CGC untuk meneruskan pelaksanaan model perniagaan jaminan berportfolio dengan kerjasama rakan kongsi berpotensi. Jaminan berportfolio ini menjanjikan pemerosesan dan pengeluaran pinjaman yang lebih cepat. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Encik Alex Lim Keat Chye, Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan CGC dan Cik Amy Ooi Swee Lian, Pengarah, Perbankan Perniagaan, RHB Bank serta disaksikan oleh Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, Pengarah Urusan CGC dan Y.Bhg. Dato' Tajuddin Atan, Pengarah Urusan Kumpulan Perbankan RHB.



## CREDIT BUREAU MALAYSIA MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA

Bagi memuktamadkan hubungan mereka sebagai pemegang-pemegang saham Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd.), CGC telah menandatangani satu perjanjian usahasama dengan Dun & Bradstreet Malaysia Sdn. Bhd. (D&B) dan Persatuan Bank-bank di Malaysia melalui ABM Investments Sdn. Bhd. (ABM) pada April 2010. Perjanjian ini yang merupakan penambahan kepada Perjanjian Persefahaman yang ditandatangani dahulunya oleh ketiga-tiga pihak memastikan Biro beroperasi sebagai syarikat usahasama. Biro telah diwakili oleh pengerusinya iaitu Y.Bhg. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad yang juga merupakan Pengarah Urusan CGC manakala D&B pula diwakili oleh pengerusinya iaitu Encik Kevin Koo manakala ABM diwakili oleh Pengarah Eksekutifnya, Puan Chuah Mei Lin. Majlis menandatangani perjanjian tersebut disaksikan oleh Y.Bhg. Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed, Pengarah CGC.

# LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

## 1. KEGIATAN UTAMA

CGC memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan kepada peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan di bawah skim-skim berikut:-

- Skim Pembiayaan Francais (SPF);
- Skim Jaminan Bank Terus (SJB);
- Skim Jaminan Laluan Terus (Semakan) (SJLT (Semakan));
- Skim Jaminan Laluan Terus – Islam (Semakan) (SJLT-i (Semakan));
- Skim Jaminan Laluan Terus "Start Up" (SJLT-Start Up);
- Skim Kredit "Enhancer" (ENHANCER);
- Skim Kredit "Enhancer" – Islam (ENHANCER-i);
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Industri Kecil & Sederhana 2 (Semakan) (SJA/TIKS 2 (Semakan));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 (Semakan) (SJA/TUB 2 (Semakan));
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islam (TPUB-i);
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Pengeluar) (SPTH (Pengeluar));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau – Islam (Pengeluar) (SPTH-i (Pengeluar));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Pengguna) (SPTH (Pengguna));
- Skim Pembiayaan Teknologi Hijau – Islam (Pengguna) (SPTH-i (Pengguna));
- Skim Jaminan Bank Terus (Semakan) (SJB (Semakan));
- Skim Kredit "Enhancer" (Semakan) (ENHANCER (Semakan));
- Skim Kredit "Enhancer" – Islam (Semakan) (ENHANCER-i (Semakan));
- Skim Jaminan Laluan Terus (Semakan 2) (SJLT (Semakan 2));
- Skim Jaminan Laluan Terus – Islam (Semakan 2) (SJLT-i (Semakan 2));
- Skim Jaminan Laluan Terus "Start Up" (Semakan) (SJLT-Start Up (Semakan));
- Skim Jaminan Laluan Terus "Start Up" (Semakan 2) (SJLT-Start Up (Semakan 2));
- Skim Jaminan Laluan Terus (Semakan 3) (SJLT (Semakan 3));
- Skim Jaminan Laluan Terus – Islam (Semakan 3) (SJLT-i (Semakan 3));
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islam (Semakan) (TPUB-i (Semakan));
- Skim Kredit "Enhancer" (Semakan 3) (ENHANCER (Semakan 3));
- Skim Kredit "Enhancer" – Islam (Semakan 3) (ENHANCER-i (Semakan 3));
- Skim Kredit "Enhancer" (Semakan 4) (ENHANCER (Semakan 4));
- Skim Kredit "Enhancer" – Islam (Semakan 4) (ENHANCER-i (Semakan 4));
- Skim Jaminan Anjal – TIKS 2 (Semakan 2) (SJA/TIKS 2 (Semakan 2));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 (Semakan 2) (SJA/TUB 2 (Semakan 2));
- Skim Jaminan Anjal – TIKS 2 – Islam (Semakan 2) (SJA/TIKS 2-i (Semakan 2));
- Skim Jaminan Anjal – Tabung Usahawan Baru 2 – Islam (Semakan 2) (SJA/TUB 2-i (Semakan 2));

## 1. KEGIATAN UTAMA (SAMBUNGAN)

- Skim Pembiayaan Francais (<1.0 juta) (SPF (<1.0 juta));
- Skim Pembiayaan Francais (>1.0 juta) (SPF (>1.0 juta));
- Skim Perniagaan Kecil Ekspres (SPKE);
- Skim Perniagaan Kecil Ekspres – Islam (SPKE-i);
- Jaminan Portfolio (JP); dan
- Skim “Enhancer” Ekspres (ENHANCER EKSPRES).

Skim-skim berikut telah ditamatkan, tetapi masih belum dilupuskan:-

- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (Semakan) (TPUK (Semakan));
- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil – Bumi (Semakan) – (TPUK – Bumi (Semakan));
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (ditamatkan sejak Ogos 1998);
- Skim Kemudahan Jaminan Khas (SKJK) (ditamatkan sejak Julai 2004);
- Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) (ditamatkan sejak Mac 2007);
- Skim Jaminan Anjal – PROSPER (SJA – PROSPER);
- Skim Kemudahan Jaminan Khas 2 (SKJK 2);
- Skim Kemudahan Permodenan PKS – Konvensional (SKP PKS – Konvensional);
- Skim Kemudahan Bantuan PKS – Konvensional (SKB PKS – Konvensional);
- Skim Jaminan Laluan Terus – Skim Kemudahan Bantuan PKS (Konvensional) (SJLT – SKB PKS);
- Skim Kemudahan Permodenan PKS – Islam (SKP PKS-i);
- Skim Kemudahan Bantuan PKS – Islam (SKB PKS-i);
- Skim Bantuan Jaminan PKS – Islam (SBJ PKS-i); dan
- Skim Bantuan Jaminan PKS (Konvensional) (SBJ PKS).

Selain dari memberi jaminan, Syarikat juga telah mengambil alih pinjaman-pinjaman tertentu dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn Bhd (ERF) dan institusi-institusi kewangan lain seperti dihuraikan di dalam Nota 15(b) kepada penyata kewangan.

Aktiviti utama subsidiari dihuraikan di dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

## 2. HASIL KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	SYARIKAT RM'000
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun	26,847	25,101
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun diagihkan kepada:		
Pemegang ekuiti Syarikat	27,732	25,101
Kepentingan minoriti	(885)	—
	26,847	25,101

### 3. DIVIDEN

Sehingga tahun kewangan yang lepas, Syarikat tidak mengisytiharkan atau membayar sebarang bayaran dividen.

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

### 4. RIZAB DAN PERUNTUKAN

#### (a) Rizab

Para pengarah telah mencadangkan pindahan sebanyak RM52,049,308 dari untung terkumpul Syarikat pada tahun ini ke rizab-rizab berikut:-

		RM'000
Rizab Program Khas	(Nota 20 (a))	21,767
Rizab SPI	(Nota 20 (b))	(10,358)
Rizab Khas	(Nota 20 (c))	40,640
		52,049

#### (b) Peruntukan untuk tuntutan-tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Bagi tahun ini, peruntukan sebanyak RM227,662,005 yang mewakili tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Syarikat, telah dicajkan terhadap penyata pendapatan komprehensif.

### 5. HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu yang disediakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara.

### 6. ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa Kumpulan dan Syarikat, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa Kumpulan dan Syarikat di dalam penyata kewangan mengelirukan.

## 7. KAEDAH MENILAI

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud berkaitan dengan kaedah menilai harta atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang boleh mengelirukan atau tidak berpadanan.

## 8. LIABILITI LUARJANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-

(a) sebarang gadaian ke atas harta Kumpulan dan Syarikat sejak 31 Disember 2010 untuk menjamin liabiliti orang lain; dan

(b) apa-apa liabiliti luarjangka ke atas Kumpulan dan Syarikat sejak 31 Disember 2010.

Tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31 Disember 2010 yang mana, mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat dalam memenuhi tanggungan apabila tiba masanya.

## 9. PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

## 10. PERKARA-PERKARA YANG LUARBIASA

Mengikut pendapat para pengarah:-

(a) hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang butiran, urusanniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa selain daripada kesan yang timbul dari pelaksanaan *FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* yang mengakibatkan peningkatan keuntungan syarikat selepas cukai sebanyak RM8,449,000 seperti dihuraikan dalam Nota 2 (a) kepada penyata kewangan; dan

(b) tidak ada butiran, urusanniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berbangkit dari 31 Disember 2010 hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dibuat.

## 11. PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah Syarikat yang memegang jawatan semenjak tarikh Laporan Pengarah yang terakhir adalah:-

Dato' Mohd Razif Abd. Kadir – Pengerusi (dilantik pada 22.3.2011)

Datuk Wan Azhar Wan Ahmad – Pengarah Urusan

Encik Md. Yusof Hussin

Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed

Datuk P. Kasi

Dato' Tan Yew Thong

Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz

Puan Zaiton Mohd Hassan

Dato' Zamani Abdul Ghani (meletak jawatan pada 22.3.2011)

Dato' Sri Mohamed Nazir Abdul Razak (meletak jawatan pada 25.8.2010)

Tidak ada pengarah yang memiliki kepentingan di dalam saham Syarikat sepanjang tahun yang diliputi oleh penyata pendapatan.

## 12. FAEDAH PENGARAH

Sejak tahun kewangan yang berakhir, tidak ada pengarah Syarikat yang telah menerima atau berkelayakan menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau berhak diterima oleh pengarah-pengarah seperti yang tertera di dalam penyata kewangan, atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) mengikut kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sama ada pada akhir tahun kewangan atau pada bila-bila masa di sepanjang tahun, Syarikat tidak terlibat dalam sebarang rancangan yang bertujuan untuk membolehkan pengarah memperoleh manfaat melalui pembelian saham atau debentur Syarikat atau mana-mana syarikat lain.

## 13. JURUAUDIT

Salleh, Leong, Azlan & Co. telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



**MD. YUSOF HUSSIN**  
Pengarah



**ZAITON MOHD HASSAN**  
Pengarah

Kuala Lumpur,  
Tarikh: 29 April 2011

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2010

Nota	KUMPULAN			SYARIKAT			
	31.12.2010 RM'000	31.12.2009 RM'000 dinyatakan semula	1.1.2009 RM'000 dinyatakan semula	31.12.2010 RM'000	31.12.2009 RM'000 dinyatakan semula	1.1.2009 RM'000 dinyatakan semula	
<b>ASET-ASET</b>							
<b>Aset-aset Bukan Semasa</b>							
Hartanah, loji dan peralatan	7	35,158	38,088	40,093	34,103	36,659	38,818
Aset-aset tak ketara	8	11,443	10,952	11,432	6,018	5,353	5,451
Pelaburan dalam subsidiari	9	—	—	—	9,900	—	—
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	10	510,284	504,606	215	500,200	500,200	200
Dana Pelaburan: Tersedia untuk dijual	11	6,414	7,690	1,894	6,414	7,690	1,894
		<b>563,299</b>	561,336	53,634	<b>556,635</b>	549,902	46,363
<b>Aset-aset Semasa</b>							
Yuran akan diterima		14,710	29,597	42,807	14,711	29,597	42,807
Jumlah belum dibayar dari subsidiari	12	—	—	—	—	15,548	10,004
Jumlah belum dibayar dari Bank Negara Malaysia	13	3,221	7,153	5,195	3,221	7,153	5,195
Jumlah belum dibayar dari syarikat bersekutu	14	—	105	—	—	105	—
Jumlah belum dibayar dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn Bhd.		6,450	—	—	6,450	—	—
Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang		8,560	5,120	4,960	8,024	4,129	4,779
Pinjaman dan pendahuluan	15	209,029	121,812	147,096	209,029	121,812	147,096
Pelaburan di dalam sekuriti dan faedah akan diterima: Tersedia untuk dijual	16	934,301	499,044	362,955	934,301	499,044	362,955
Pelaburan melalui Pengurus-pengurus Dana: Nilai sakmasa melalui untung atau rugi	17	912,334	—	—	912,334	—	—
Simpanan tetap dan faedah akan diterima	18	2,878,862	5,100,406	4,921,851	2,878,862	5,100,406	4,921,851
Wang tunai dan baki-baki bank		21,389	17,594	15,310	21,162	17,506	15,253
		<b>4,988,856</b>	5,780,831	5,500,174	<b>4,988,094</b>	5,795,300	5,509,940
<b>JUMLAH ASET-ASET</b>		<b>5,552,155</b>	6,342,167	5,553,808	<b>5,544,729</b>	6,345,202	5,556,303

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

	Nota	31.12.2010 RM'000	KUMPULAN 31.12.2009 RM'000 dinyatakan semula	1.1.2009 RM'000 dinyatakan semula	31.12.2010 RM'000	SYARIKAT 31.12.2009 RM'000 dinyatakan semula	1.1.2009 RM'000 dinyatakan semula
<b>EKUITI DAN LIABILITI-LIABILITI</b>							
<b>Ekuiti Yang Diagihkan Kepada Pemegang-pemegang Saham Syarikat</b>							
Modal Saham	19	1,635,600	1,635,600	1,635,600	1,635,600	1,635,600	1,635,600
Rizab-rizab	20	728,785	710,267	751,972	725,303	713,590	754,526
Rizab Nilai saksama	21	6,893	—	—	6,893	—	—
<b>Ekuiti Yang Diagihkan Kepada pemegang ekuiti</b>		<b>2,371,278</b>	2,345,867	2,387,572	<b>2,367,796</b>	2,349,190	2,390,126
Kepentingan Minoriti		3,041	—	—	—	—	—
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b>2,374,319</b>	2,345,867	2,387,572	<b>2,367,796</b>	2,349,190	2,390,126
<b>Liabiliti-liabiliti Bukan Semasa</b>							
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	22	800,000	1,250,000	650,000	800,000	1,250,000	650,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	23	—	—	25,476	—	—	25,476
Skim Jaminan Usahawan Kecil	24	—	29,000	79,000	—	29,000	79,000
Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	25	850,000	850,000	850,000	850,000	850,000	850,000
Jumlah belum berbayar kepada subsidiari	12	—	—	—	751	—	—
		<b>1,650,000</b>	2,129,000	1,604,476	<b>1,650,751</b>	2,129,000	1,604,476
<b>Liabiliti-liabiliti Semasa</b>							
Tuntutan-tuntutan pemiutang		136,915	81,222	48,848	136,915	81,222	48,848
Pemiutang-pemiutang lain		249,864	68,912	83,605	248,210	68,624	83,546
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	22	450,000	500,000	300,000	450,000	500,000	300,000
Dana-dana Kerajaan	26	150,000	300,000	300,000	150,000	300,000	300,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	23	18,669	18,979	4,524	18,669	18,979	4,524
Skim Jaminan Usahawan Kecil	24	79,000	50,000	—	79,000	50,000	—
Tabung Usahawan Kecil	27	200,000	490,000	490,000	200,000	490,000	490,000
Pendapatan tertangguh	28	13,175	15,206	3,417	13,175	15,206	3,417
Peruntukan Tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	29	230,213	342,981	331,366	230,213	342,981	331,366
		<b>1,527,836</b>	1,867,300	1,561,760	<b>1,526,182</b>	1,867,012	1,561,701
<b>JUMLAH LIABILITI-LIABILITI</b>		<b>3,177,836</b>	3,996,300	3,166,236	<b>3,176,933</b>	3,996,012	3,166,177
<b>JUMLAH EKUITI &amp; LIABILITI-LIABILITI</b>		<b>5,552,155</b>	6,342,167	5,553,808	<b>5,544,729</b>	6,345,202	5,556,303

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.



# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
HASIL	34	<b>257,660</b>	290,032	<b>256,009</b>	289,597
KOS PERKHIDMATAN					
YANG DISEDIAKAN	35	<b>(3,457)</b>	(3,032)	—	—
PELBAGAI PENDAPATAN KENDALIAN		<b>61,238</b>	39,070	<b>61,609</b>	39,759
		<b>315,441</b>	326,070	<b>317,618</b>	329,356
PERBELANJAAN KEBAJIKAN PEKERJA		<b>(33,733)</b>	(26,412)	<b>(32,382)</b>	(25,373)
SUSUTNILAI HARTANAH, LOJI, DAN PERALATAN	7	<b>(6,437)</b>	(5,602)	<b>(6,297)</b>	(5,446)
PELUNASAN ASET-ASET TAK KETARA	8	<b>(1,382)</b>	(638)	<b>(1,382)</b>	(638)
PERUNTUKAN TUNTUTAN (BERSIH)		<b>(227,662)</b>	(309,034)	<b>(227,662)</b>	(309,034)
ELAUN UNTUK ROSOT NILAI (BERSIH)		<b>(12,824)</b>	2,260	<b>(12,824)</b>	2,260
PERUNTUKAN BAGI PENYUSUTAN NILAI PELABURAN DALAM BON-BON		—	(6,431)	—	(6,431)
FAEDAH DAN KOS PERKHIDMATAN KE ATAS PINJAMAN KERAJAAN		<b>(8,750)</b>	(13,875)	<b>(8,750)</b>	(13,875)
PELBAGAI PERBELANJAAN KENDALIAN		<b>(13,027)</b>	(12,434)	<b>(12,762)</b>	(11,755)
JUMLAH PERBELANJAAN KENDALIAN		<b>(303,815)</b>	(372,166)	<b>(302,059)</b>	(370,292)
PERKONGSIAN HASIL KEUNTUNGAN DARI SYARIKAT BERSEKUTU		<b>5,679</b>	4,391	—	—
UNTUNG/(RUGI) SEBELUM CUKAI	36	<b>17,305</b>	(41,705)	<b>15,559</b>	(40,936)
CUKAI	37	—	—	—	—
UNTUNG/(RUGI) BERSIH BAGI TAHUN		<b>17,305</b>	(41,705)	<b>15,559</b>	(40,936)
LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF					
KEUNTUNGAN BERSIH KE ATAS ASET KEWANGAN					
- KEUNTUNGAN DARIPADA PERUBAHAN DI DALAM NILAI SAKSAMA		<b>9,542</b>	—	<b>9,542</b>	—
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN		<b>26,847</b>	(41,705)	<b>25,101</b>	(40,936)

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
UNTUNG/(RUGI) BERSIH BAGI TAHUN DIAGIHKAN KEPADA:				
PEMEGANG EKUITI SYARIKAT	18,190	(41,705)	15,559	(40,936)
KEPENTINGAN LUAR KAWALAN	(885)	—	—	—
	<b>17,305</b>	<b>(41,705)</b>	<b>15,559</b>	<b>(40,936)</b>
JUMLAH PENDAPATAN/(KERUGIAN) KOMPREHENSIF BAGI TAHUN DIAGIHKAN KEPADA:				
PEMEGANG EKUITI SYARIKAT	27,732	(41,705)	25,101	(40,936)
KEPENTINGAN LUAR KAWALAN	(885)	—	—	—
	<b>26,847</b>	<b>(41,705)</b>	<b>25,101</b>	<b>(40,936)</b>

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

## Pengagihan ekuiti kepada pemegang-pemegang saham Syarikat

KUMPULAN	Nota	Tidak Boleh Diagihkan				Boleh Diagihkan		Kepentingan Luar			
		Modal Saham Biasa	Modal Saham Keutamaan	Rizab Khas	Rizab Program Khas	Rizab Skim Perbankan Islam "SPI"	Rizab Nilai saksama	Untung Tertakung	Jumlah	kawalan	Jumlah
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari 2009		1,435,600	200,000	164,890	161,407	26,734	—	398,941	2,387,572	—	2,387,572
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun		—	—	—	—	—	—	(41,705)	(41,705)	—	(41,705)
Pindahan di antara rizab-rizab	20	—	—	41,881	25,476	3,503	—	(70,860)	—	—	—
Baki pada 31 Disember 2009		1,435,600	200,000	206,771	186,883	30,237	—	286,376	2,345,867	—	2,345,867
Kesan aplikasi FRS 139	2(a)	—	—	—	—	—	(2,649)	(3,846)	(6,495)	—	(6,495)
Pelarasan baki pada 1 Januari 2010		1,435,600	200,000	206,771	186,883	30,237	(2,649)	282,530	2,339,372	—	2,339,372
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		—	—	—	—	—	9,542	18,190	27,732	(885)	26,847
Pindahan di antara rizab-rizab	20	—	—	40,640	21,767	(10,358)	—	(52,049)	—	—	—
Pelupusan akibat terbitan saham baru oleh subsidiari	38	—	—	—	—	—	—	4,174	4,174	3,926	8,100
Baki pada 31 Disember 2010		1,435,600	200,000	247,411	208,650	19,879	6,893	252,845	2,371,278	3,041	2,374,319

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

Pengagihan ekuiti kepada pemegang-pemegang saham Syarikat

SYARIKAT	Nota	Tidak Boleh Diagihkan					Boleh Diagihkan		Jumlah RM'000
		Modal Saham Biasa RM'000	Modal Saham Keutamaan RM'000	Rizab Khas RM'000	Rizab Program Khas RM'000	Rizab Skim Perbankan Islam "SPI" RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Untung Terkumpul RM'000	
Baki pada 1 Januari 2009		1,435,600	200,000	164,890	161,407	26,734	—	401,495	2,390,126
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun		—	—	—	—	—	—	(40,936)	(40,936)
Pindahan di antara rizab-rizab	20	—	—	41,881	25,476	3,503	—	(70,860)	—
Baki pada 31 Disember 2009		1,435,600	200,000	206,771	186,883	30,237	—	289,699	2,349,190
Kesan aplikasi FRS 139	2(a)	—	—	—	—	—	(2,649)	(3,846)	(6,495)
Pelarasan baki pada 1 Januari 2010		1,435,600	200,000	206,771	186,883	30,237	(2,649)	285,853	2,342,695
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun		—	—	—	—	—	9,542	15,559	25,101
Pindahan di antara rizab-rizab	20	—	—	40,640	21,767	(10,358)	—	(52,049)	—
Baki pada 31 Disember 2010		1,435,600	200,000	247,411	208,650	19,879	6,893	249,363	2,367,796

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN</b>				
<b>Untung/(rugi) bersih bagi tahun</b>	<b>17,305</b>	(41,705)	<b>15,559</b>	(40,936)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	<b>6,679</b>	5,844	<b>6,297</b>	5,446
Pelunasan aset-aset tak ketara	<b>2,989</b>	2,050	<b>1,382</b>	638
Peruntukan tuntutan Skim Jaminan (Bersih)	<b>227,662</b>	309,034	<b>227,662</b>	309,034
Elaun rosotnilai pinjaman dan pendahuluan (Bersih)	<b>12,824</b>	(2,260)	<b>12,824</b>	(2,260)
Peruntukan penyusutan nilai pelaburan dalam bon-bon	—	6,431	—	6,431
Untung atas pelupusan jualan pelaburan sekuriti	<b>(3,298)</b>	(498)	<b>(3,298)</b>	(498)
Pelunasan atas premium pelaburan sekuriti	<b>4,177</b>	—	<b>4,177</b>	—
Untung atas Nilai Saksama:				
- Pelaburan melalui Pengurus dana	<b>(12,334)</b>	—	<b>(12,334)</b>	—
Perkongsi hasil keuntungan dalam syarikat bersekutu	<b>(5,679)</b>	(4,391)	—	—
Untung atas pelupusan jualan harta tanah, loji dan peralatan	—	(36)	—	(36)
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	<b>6</b>	1	<b>6</b>	1
<b>Keuntungan pengendalian sebelum perubahan dalam modal pusingan</b>	<b>250,331</b>	274,470	<b>252,275</b>	277,820
Kurangan dalam yuran akan diterima	<b>14,886</b>	13,210	<b>14,886</b>	13,210
Kurangan faedah akan diterima	<b>39,412</b>	12,682	<b>39,412</b>	12,682
Tambahan penghutang-penghutang dagangan dan lain-lain (Tambahan)/Kurangan pinjaman dan pendahuluan	<b>(3,440)</b>	(160)	<b>(3,896)</b>	(30)
Kurangan/(Tambahan) dalam jumlah belum bayar dari Bank Negara Malaysia	<b>3,932</b>	(1,958)	<b>3,932</b>	(1,278)
Kurangan/(Tambahan) dalam jumlah belum bayar dari subsidiari	—	—	<b>6,399</b>	(5,544)
Kurangan/(Tambahan) dalam jumlah belum bayar dari syarikat bersekutu	<b>105</b>	(105)	<b>105</b>	(105)
Tambahan dalam jumlah belum bayar dari Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn. Bhd.	<b>(6,450)</b>	—	<b>(6,450)</b>	—
Tambahan/(Kurangan) dalam lain-lain pemiutang (Kurangan)/Tambahan tuntutan-tuntutan pemiutang	<b>172,933</b>	(9,608)	<b>171,566</b>	(14,922)
Tambahan/(Kurangan) dalam Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	<b>132</b>	(6,521)	<b>132</b>	(6,521)
<b>Wang tunai dihasilkan dari pengendalian</b>	<b>352,669</b>	335,385	<b>359,189</b>	333,772
Pembayaran tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	<b>(265,605)</b>	(295,961)	<b>(265,605)</b>	(295,961)
<b>Wang tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan pengendalian</b>	<b>87,064</b>	39,424	<b>93,584</b>	37,811

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN</b>				
Perolehan dari pelaburan matang dalam sekuriti	250,551	187,278	250,551	187,278
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	—	(500,000)	—	(500,000)
Perolehan dari penjualan hartanah, loji dan peralatan	—	36	—	36
Pelaburan dalam Dana Pelaburan	(3,043)	(5,796)	(3,043)	(5,796)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(3,755)	(3,840)	(3,747)	(3,288)
Pembelian aset-aset tak ketara	(3,480)	(1,570)	(2,047)	(540)
Pembelian sekuriti pelaburan	(683,558)	(327,061)	(683,558)	(327,061)
Pelaburan melalui Pengurus Dana	(900,000)	—	(900,000)	—
<b>Wang tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan</b>	<b>(1,343,285)</b>	<b>(650,953)</b>	<b>(1,341,844)</b>	<b>(649,371)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>				
Pembayaran balik dana				
Permodalan Nasional Berhad	(442)	(4,500)	(442)	(4,500)
Pembayaran balik kepada Bank Negara Malaysia	(500,000)	—	(500,000)	—
Pembayaran balik dana Kerajaan	(150,000)	—	(150,000)	—
Pembayaran balik kepada Tabung Usahawan Kecil	(290,000)	—	(290,000)	—
Perolehan dari terbitan saham oleh subsidiari	8,100	—	—	—
Dana-dana dari Bank Negara Malaysia	—	800,000	—	800,000
<b>Wang tunai bersih (digunakan)/diperolehi dalam kegiatan pembiayaan</b>	<b>(932,342)</b>	<b>795,500</b>	<b>(940,442)</b>	<b>795,500</b>
(PENGURANGAN)/PERTAMBAHAN BERSIH WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI DALAM TAHUN	(2,188,563)	183,971	(2,188,702)	183,940
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 1 JANUARI	5,071,386	4,887,415	5,071,298	4,887,358
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	2,882,823	5,071,386	2,882,596	5,071,298
<b>WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI MERANGKUMI:</b>				
Simpanan bertempoh (Nota 18)	2,861,434	5,053,792	2,861,434	5,053,792
Wang tunai dan baki dalam bank	21,389	17,594	21,162	17,506
	<b>2,882,823</b>	<b>5,071,386</b>	<b>2,882,596</b>	<b>5,071,298</b>

Nota-nota di muka surat 141 hingga 191 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DECEMBER 2010

## 1. MAKLUMAT AM

Penyata kewangan CGC telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 29 April 2011.

CGC ialah sebuah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar CGC ialah di Aras 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat urusan perniagaan utama CGC ialah di Aras 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvesyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan (FRS) dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat menerimapakai FRS yang baru dan disemak semula yang berkuatkuasa untuk tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2010 seperti yang dinyatakan di bawah:-

### (a) Perubahan dalam polisi-polisi perakaunan

Polisi-polisi perakaunan yang digunapakai adalah konsisten dengan polisi-polisi pada tahun kewangan sebelumnya kecuali berikut:

Pada 1 Januari 2010, Kumpulan dan Syarikat telah menggunapakai FRS yang baru dan dipinda dan Interpretasi IC yang berkuatkuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010, yang mana berkenaan.

### FRS dan Interpretasi Baru dan Disemak Semula

FRS 4	Kontrak Insuran
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 8	Segmen Operasi
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak semula)
FRS 123	Kos Pinjaman (Disemak semula)
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
Interpretasi IC 9	Penaksiran Semula Derivatif Terselindung
Interpretasi IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Kejejasan Nilai
Interpretasi IC 11	FRS 2 - Urusniaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
Interpretasi IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan
Interpretasi IC 14	FRS 119 - Had Aset Faedah Tertakrif, Keperluan Pembayaran Minima dan Interaksi di antaranya
TR i-3	Pembentangan Laporan Kewangan Institusi Kewangan Islam

## 2. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (a) Perubahan dalam polisi-polisi perakaunan (Sambungan)

#### Pindaan kepada FRS dan Interpretasi

FRS 1	Penerimaan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan
FRS 2	Pembayaran berasaskan Saham – Perletakan Syarat dan Pembatalan
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan Kepentingan
FRS 127	Penyatuan dan Pengasingan Penyata Kewangan: Kos Pelaburan dalam Subsidiari, Entiti Dikawal Bersama atau Bersekutu
FRS 132	Instrumen Kewangan : Pembentangan – Perletakan Instrumen Kewangan dan Tanggungjawab wujud ke atas Kecairan
FRS 138	Aset Tidak Ketara – Penambahan lanjutan hasil daripada semakan semula FRS 3
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran

#### Pindaan FRS yang dikelasifikasikan sebagai “Penambahbaikan kepada FRS (2009)”

FRS 5	Pegangan Aset Bukan Semasa untuk Jualan dan Pemberhentian Operasi – Pendedahan aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) dikelasifikasikan sebagai pegangan untuk jualan atau pemberhentian operasi
FRS 7	Instrumen Kewangan – Pendedahan – Pembentangan Kos Kewangan
FRS 8	Segmen Operasi – Pendedahan maklumat berkenaan aset segmen
FRS 107	Penyata Aliran Tunai – Klasifikasi Perbelanjaan atas aset tidak diambilkira
FRS 108	Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesalahan – Status Panduan Pelaksanaan
FRS 110	Peristiwa Selepas Tempoh Pelaporan – Dividen yang diumumkan selepas tempoh akhir pelaporan
FRS 116	Hartanah, Loji dan Peralatan – Amaun boleh dapat kembali dan jualan pegangan aset untuk disewa
FRS 117	Pajakan – Klasifikasi pajakan tanah dan bangunan
FRS 118	Pendapatan – Kos untuk mendapatkan pinjaman dan mengenalpasti sama ada bertindak sebagai prinsipal atau agen
FRS 119	Kebajikan Pekerja: – Pemendekan dan negatif kos khidmat yang lepas; – Perancangan kos pentadbiran; – Menggantikan terma yang cukup tempoh; dan – Panduan keatas liabiliti luarjangka
FRS 120	Perakaunan Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan: – Pinjaman Kerajaan di bawah kadar faedah pasaran; dan – Penetapan istilah berbanding FRS lain
FRS 123	Kos Pinjaman – Komponen kos pinjaman
FRS 127	Penyatuan dan Pengasingan Penyata Kewangan – Pengukuran pegangan subsidiari untuk dijual dalam penyata kewangan berasingan
FRS 128	Pelaburan Syarikat Bersekutu: – Keperluan pendedahan apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan – Rosotnilai pelaburan dalam syarikat bersekutu



## 2. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (a) Perubahan dalam polisi-polisi perakaunan (Sambungan)

#### **Pindaan FRS yang dikelasifikasikan sebagai "Penambahbaikan kepada FRS (2009)" (Sambungan)**

FRS 129	Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Inflasi Melampau: - Huraian asas pengukuran dalam penyata kewangan; dan - Penetapan istilah dengan FRS lain
FRS 131	Faedah dalam Usahasama - Keperluan pendedahan apabila faedah dalam entiti dikawal bersama dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi
FRS 134	Pelaporan Kewangan Interim - Pendedahan perolehan sesaham dalam laporan kewangan interim
FRS 136	Rosotnilai Aset: - Pendedahan anggaran digunakan untuk mengenalpasti amaun yang boleh dapat kembali; dan - Unit Perakaunan untuk ujian rosotnilai 'goodwill'
FRS 138	Aset Tidak Ketara: - Aktiviti Pengiklanan dan promosi; - Cara pelupusan unit pengeluaran; dan - Mengukur nilai saksama aset tidak ketara yang dibeli dalam penggabungan perniagaan
FRS 140	Pelaburan Hartanah: - Hartanah dalam pembinaan atau pembangunan untuk digunakan pada masa hadapan sebagai pelaburan hartanah; - Penetapan istilah berbanding FRS 108; dan - Pelaburan hartanah yang dipegang bawah pajakan

Penggunaan FRS dan Interpretasi IC tidak menyebabkan perubahan signifikan kepada polisi perakaunan Kumpulan dan tidak mempunyai kesan yang signifikan dari segi kewangan ke atas jumlah yang dilaporkan di dalam penyata kewangan kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:-

#### **FRS 4 Kontrak Insuran**

Kumpulan menganggap kontrak jaminan kewangan yang diberikan sebagai instrumen insuran dan memperakaunkannya di bawah FRS 4. Kumpulan menganggap kontrak jaminan kewangan sebagai liabiliti kontingensi sehingga suatu masa di mana ianya menjadi keperluan bagi Kumpulan untuk membuat pembayaran berlandaskan jaminan yang telah diberikan. Pemakaian FRS 4 tidak dijangkakan akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan.

#### **FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan**

Sebelum pemakaian FRS 101 yang disemak semula, komponen penyata kewangan terdiri daripada lembaran imbalan, penyata pendapatan, penyata dana terkumpul, penyata aliran tunai dan nota kepada penyata kewangan. Selepas pemakaian FRS 101, komponen penyata kewangan terdiri daripada penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan di dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan nota kepada akaun. Piawaian ini tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan mahupun keputusan kewangan Kumpulan.

## 2. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (a) Perubahan dalam polisi-polisi perakaunan (Sambungan)

#### **FRS 117 Pajak - Klasifikasi pajak tanah dan bangunan**

Sebelum pindaan kepada FRS 117, tanah yang dipajak yang mempunyai usia ekonomi yang tidak terhad dan di mana hak milik tidak dijangkakan akan berpindah di akhir tempoh pajak, diperakaunkan sebagai pajak operasi. Pembayaran untuk mengambil alih atau memiliki tanah yang dipajak telah diambilkira sebagai pembayaran pajak prabayar yang akan dilunaskan ke atas tempoh pajak berpandukan corak manfaat yang dihasilkan.

Dengan pindaan kepada FRS 117 Pajak, Syarikat telah menilai semula akan klasifikasi tanah yang dipajak sama ada pajak operasi atau pajak kewangan berdasarkan risiko dan faedah yang bersabit dengan tanah tersebut. Syarikat telah menentukan bahawa tanah pajak Syarikat adalah pada dasarnya pajak kewangan dan telah mengklasifikasikan semula tanah pajakannya daripada sewa pajak prabayar kepada hartanah, loji dan peralatan.

Klasifikasi semula telah dibuat secara retrospektif dan tidak mempunyai kesan ke atas untung atau rugi untuk tahun kewangan semasa yang berakhir 31 Disember 2010 dan tahun kewangan terdahulu yang berakhir 31 Disember 2009.

	Sebagaimana dinyatakan terdahulu RM'000	Kesan daripada pemakaian pindaan kepada FRS 117 RM'000	Sebagaimana dinyatakan semula RM'000
<b>KUMPULAN:</b>			
<b>31 Disember 2009</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	35,187	2,901	38,088
Sewa pajak prabayar	2,901	(2,901)	—
<b>1 Januari 2009</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	37,157	2,936	40,093
Sewa pajak prabayar	2,936	(2,936)	—
<b>SYARIKAT:</b>			
<b>31 Disember 2009</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	33,758	2,901	36,659
Sewa pajak prabayar	2,901	(2,901)	—
<b>1 Januari 2009</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	35,882	2,936	38,818
Sewa pajak prabayar	2,936	(2,936)	—

## 2. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (a) Perubahan dalam polisi-polisi perakaunan (Sambungan)

#### **FRS 120 - Perakaunan geran kerajaan dan Pendedahan bantuan kerajaan**

Pindaan kepada FRS 120 memerlukan supaya faedah daripada pinjaman kerajaan dengan kadar faedah di bawah kadar pasaran diperakukan sebagai geran kerajaan dan pinjaman tersebut diiktiraf dan diukur berpandu kepada FRS 139. Pindaan-pindaan tersebut hendaklah digunapakai secara prospektif untuk pinjaman kerajaan yang diterima di dalam tempoh masa yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Pindaan ini tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan operasi Syarikat memandangkan tiada pinjaman yang diterima di dalam tahun kewangan semasa.

#### **FRS 139 Instrumen Kewangan - Pengiktirafan dan Pengukuran**

FRS 139 menetapkan prinsip untuk mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk membeli dan menjual butiran bukan berbentuk kewangan. Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan FRS 139 secara prospektif bersandarkan peruntukan peralihan FRS 139. Kesan daripada pemakaian piawaian perakaunan ini telah diambil kira dengan membuat pelarasan terhadap pendapatan tertahan pada 1 Januari 2010. Angka perbandingan tidak dinyatakan semula. Perubahan di dalam polisi perakaunan serta kesan daripada pemakaian FRS 139 dibincangkan di bawah:

#### ***Dana Pelaburan***

Sebelum 1 Januari 2010, Syarikat telah mengelaskan pelaburannya di dalam Aureos Fund LLC., yang dianggap sebagai pelaburan jangka panjang oleh pengarah, sebagai pelaburan bukan semasa. Pelaburan tersebut dinyatakan pada kos. Elaun untuk penurunan di dalam nilai pelaburan dibuat bilamana pengarah menganggap bahawa terdapatnya penurunan, selain daripada penurunan sementara, di dalam nilai pelaburan tersebut. Berikutan pemakaian FRS 139, pelaburan di dalam Aureos Fund LLC. diuruskan pada 1 Januari 2010 sebagai aset kewangan tersedia untuk dijual dan dengan sedemikian dinyatakan pada nilai saksamanya pada tarikh tersebut iaitu RM5,040,864. Pelarasan sebanyak RM2,648,721 terhadap nilai bawaan terdahulu sebanyak RM7,689,585 diiktiraf sebagai pelarasan terhadap nilai rizab nilai saksama pada 1 Januari 2010.

#### ***Pelaburan di dalam Sekuriti***

Sebelum 1 Januari 2010, Kumpulan telah mengelaskan pelaburannya di dalam sekuriti sebagai pelaburan semasa. Pelaburan sedemikian dinyatakan pada kos atau nilai pasaran bergantung kepada yang mana lebih rendah dengan menggunakan dasar portfolio. Berikutan pemakaian FRS 139, pelaburan sedemikian pada 1 Januari 2010 telah dikelaskan samada sebagai aset kewangan berbentuk "nilai saksama melalui untung atau rugi" atau aset kewangan yang dipegang sehingga matang bergantung kepada samada pelaburan tersebut adalah aset kewangan yang dipegang untuk diurusniagakan atau aset kewangan di mana Syarikat mempunyai hasrat dan keupayaan untuk memegang sekuriti tersebut sehingga matang.

Aset kewangan yang dipegang untuk diurusniagakan dinyatakan pada nilai saksamanya pada tarikh tersebut iaitu RM50,778,400. Pelarasan sebanyak RM922,150 kepada nilai bawaan terdahulu sebanyak RM49,856,250 diiktiraf sebagai pelarasan kepada pendapatan terkumpul pada 1 Januari 2010.

Pelaburan yang dikelaskan sebagai aset kewangan yang dipegang sehingga matang dinyatakan pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Jumlah kos terlunas pada 1 Januari 2010 menggunakan kadar faedah efektif asal adalah RM443,900,424. Pelarasan sebanyak RM4,768,385 ke atas nilai bawaan terdahulu sebanyak RM448,668,808 telah diiktiraf sebagai pelarasan kepada pendapatan terkumpul pada 1 Januari 2010.

## 2. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (a) Perubahan dalam polisi-polisi perakaunan (Sambungan)

#### FRS 139 Instrumen Kewangan - Pengiktirafan dan Pengukuran (Sambungan)

Berikut adalah kesan daripada perubahan dalam polisi perakaunan di atas:

	Tambahan/(kurangan) 2010	
	Pada 31 Disember RM'000	Pada 1 Januari RM'000
<b>Penyata kedudukan kewangan</b>		
Pelaburan melalui Pengurus Dana:		
Nilai saksama melalui untung atau rugi	12,334	—
Dana Pelaburan: Tersedia untuk dijual	(4,320)	(2,649)
Pelaburan di dalam Sekuriti: Tersedia untuk dijual	3,482	(3,846)
	11,496	(6,495)
<b>Penyata pendapatan komprehensif</b>		
Pendapatan terkumpul	4,603	(3,846)
Rizab Nilai Saksama	6,893	(2,649)
	11,496	(6,495)
<b>Penyata pendapatan komprehensif</b>		
		Tambahan 2010 RM'000
Hasil		8,449
Keuntungan sebelum cukai		8,449
Cukai		—
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		8,449

## 2. ASAS PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### (b) FRS baru dan Interpretasi IC yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan belum menerimapiakai lagi FRS dan Interpretasi IC yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi masih belum efektif untuk penyata kewangan ini sepertimana dinyatakan di bawah:-

		Berkuatkuasa bagi tahun kewangan pada atau selepas
<b>FRS dan Interpretasi Baru dan Disemak Semula</b>		
FRS 1	Adaptasi Permulaan Piawaian Laporan Kewangan (Disemak semula)	1 Julai 2010
FRS 3	Penggabungan Perniagaan (Disemak semula)	1 Julai 2010
FRS 127	Penyatuan dan Pengasingan Penyata Kewangan (Disemak semula)	1 Julai 2010
Interpretasi IC 4	Menentukan Samada Sesuatu Tatacara Mempunyai Pajakan	1 Januari 2011
Interpretasi IC 12	Penyusunan Perkhidmatan Konsesi	1 Julai 2010
Interpretasi IC 15	Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah	1 Januari 2012
Interpretasi IC 16	Kekangan ke atas Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Luar Negara	1 Julai 2010
Interpretasi IC 17	Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik	1 Julai 2010
Interpretasi IC 18	Pemindahan Aset Daripada Pelanggan	1 Januari 2011
<b>Pindaan kepada FRS dan Interpretasi</b>		
FRS 1	Adaptasi Permulaan Piawaian Laporan Kewangan - Pengecualian Terhadap dari Pendedahan Perbandingan FRS 7 untuk Penggunapakai Permulaan - Pengecualian tambahan untuk Penggunapakai Permulaan	1 Januari 2011 1 Januari 2011
FRS 2	Pembayaran berasaskan Saham - Penyelesaian Tunai Kumpulan Transaksi Bayaran Berasaskan Saham	1 Januari 2011
FRS 5	Pegangan Aset Bukan Semasa untuk Jualan dan Pemberhentian Operasi - Merancang untuk menjual kepentingan kawalan dalam subsidiari	1 Julai 2010
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan - Penambahbaikan Pendedahan berkenaan Instrumen Kewangan	1 Januari 2011
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan - Klasifikasi Saham Hak	1 Mac 2010
FRS 138	Aset Tidak Ketara - Penambahan lanjutan hasil daripada pindaan lanjutan hasil daripada semakan semula FRS 3	1 Julai 2010
IC Intrepretasi 9	Penilaian Semula Derivatif Terselindung - Skop Interpretasi IC 9 dan FRS 3 Disemak semula	1 Julai 2010
<b>Pindaan FRS yang dikelasifikasikan sebagai "Penambahbaikan kepada FRS (2009)"</b>		
FRS 2	Pembayaran berasaskan Saham: skop FRS 2 dan FRS 3 disemak semula	1 Julai 2010

Pada permulaan aplikasi FRS dan interpretasi, bagi yang berkenaan tidak dijangka akan memberi kesan yang material ke atas penyata kewangan Kumpulan.

### 3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Di dalam kegiatan harian, Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada empat jenis risiko utama iaitu risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan dan risiko kendalian.

#### (a) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian terhadap Kumpulan dan Syarikat oleh kerana pihak yang dijamin atau pihak yang berkaitan gagal memenuhi tuntutan kewangan terhadap pemiutang masing-masing. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan, penghutang lain serta pinjaman dan pendahuluan.

Kumpulan hanya berurusan dengan pihak ketiga yang dikenali yang mempunyai tahap kredit yang baik. Hanya merupakan polisi Kumpulan yang kesemua pelanggan yang ingin berurusan secara kredit dikenakan prosedur penilaian kredit. Di dalam masa yang sama jumlah terhutang dipantau secara berterusan.

Syarikat menguruskan risiko kredit bersabit dengan pinjaman yang telah ditebus dan dijamin dengan menilai peminjam menggunakan suatu model permarkahan kredit. Syarikat menggunakan model ini untuk mengukur kewiban pinjaman membina asas penilaian yang diiktiraf.

Kumpulan dan Syarikat mengurangkan risiko kredit bagi lain-lain aset kewangan (termasuk pelaburan di dalam sekuriti, dan pelaburan melalui pengurus-pengurus dana), dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak yang mempunyai penilaian kredit yang tinggi.

#### Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, risiko maksima Kumpulan dan Syarikat adalah diwakili oleh nilai bawaan setiap aset kewangan sebagaimana diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan.

#### Profil konsentrasi risiko kredit

Kumpulan menentukan konsentrasi risiko kreditnya dengan memantau secara berterusan akan profil penghutang perniagaannya serta pinjaman dan pendahuluan berdasarkan sektor industri. Profil konsentrasi risiko kredit penghutang perniagaan serta pinjaman dan pendahuluan Kumpulan pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN			
	2010		2009	
	RM'000	% dari jumlah	RM'000	% dari jumlah
<b>Berdasarkan sektor industri:</b>				
- Pengilangan	93,702	40.21	—	—
- Pemborong dan peruncit	49,147	21.10	95,397	71.87
- Pembinaan	49,859	21.40	37,245	28.06
- Institusi Kewangan	311	0.13	96	0.07
- Lain-lain	39,992	17.16	5	—
	<b>233,011</b>	<b>100.00</b>	132,743	100.00
Tolak: Elaun rosotnilai	(23,653)	—	(10,830)	—
	<b>209,358</b>	<b>100.00</b>	121,913	100.00

### 3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (a) Risiko Kredit (Sambungan)

	KUMPULAN	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Penghutang perniagaan dan lain-lain	8,560	5,120
Pinjaman dan pendahuluan	232,683	132,642
Tolak: Penghutang lain	(8,232)	(5,019)
	<b>233,011</b>	132,743
Tolak: Elaun rosotnilai	(23,653)	(10,830)
	<b>209,358</b>	121,913

#### (b) Risiko Pasaran

Risiko pasaran terhasil daripada pergerakan yang merugikan di dalam harga pasaran pelaburan.

Pelaburan Syarikat pada masa kini dipelbagaikan dan termasuk nilai nominal di dalam ekuiti tempatan yang disebut harga. Walau bagaimanapun sebahagian besar pelaburan tertumpu kepada instrumen hutang yang memiliki nilai yang tinggi dan tersedia untuk dijual. Risiko pasaran dirumuskan oleh kombinasi limit yang selamat, garis panduan pelaburan, laporan-laporan yang diperlukan dan matrik kuasa kelulusan.

#### (c) Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang wujud bilamana Kumpulan menempuh kesulitan dalam menjanakan dana untuk memenuhi tuntutan kewangannya pada kos dan dalam masa yang munasabah. Risiko kecairan ditangani dengan mempelbagaikan tempoh matang pelaburannya berdasarkan jurang kematangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Kumpulan pada tarikh laporan.

### 3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (c) Risiko Kecairan (Sambungan)

**Analisa instrumen kewangan berdasarkan tempoh kontrak yang belum luput**

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti Kumpulan dan Syarikat pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran balik yang dikontrakkan dan yang tidak didiskaunkan.

	Boleh tuntutan bila-bila masa atau dalam masa satu tahun	2010 RM'000		Jumlah
		Satu hingga lima tahun	Lebih dari lima tahun	
<b>Kumpulan</b>				
<b>Liabiliti Kewangan:</b>				
Tuntutan-tuntutan pemiutang	136,915	—	—	136,915
Pemiutang-pemiutang lain	249,864	—	—	249,864
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	—	750,000	500,000	1,250,000
Dana-dana Kerajaan	150,000	—	—	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	6,245	12,424	—	18,669
Skim Jaminan Usahawan Kecil	79,000	—	—	79,000
Tabung Usahawan Kecil	200,000	—	—	200,000
Skim Kemudahan Permodenan PKS	—	500,000	350,000	850,000
Jumlah liabiliti kewangan yang tidak didiskaunkan	822,024	1,262,424	850,000	2,934,448
<b>Syarikat</b>				
<b>Liabiliti Kewangan:</b>				
Tuntutan-tuntutan pemiutang	136,915	—	—	136,915
Pemiutang-pemiutang lain	248,210	—	—	248,210
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	—	750,000	500,000	1,250,000
Dana-dana Kerajaan	150,000	—	—	150,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	6,245	12,424	—	18,669
Skim Jaminan Usahawan Kecil	79,000	—	—	79,000
Tabung Usahawan Kecil	200,000	—	—	200,000
Skim Kemudahan Permodenan PKS	—	500,000	350,000	850,000
Jumlah liabiliti kewangan yang tidak didiskaunkan	820,370	1,262,424	850,000	2,932,794



### 3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (d) Risiko Kendalian

Risiko kendalian adalah risiko daripada kerugian langsung atau tidak langsung akibat dari ketidaktepatan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau faktor luaran. Kumpulan dan Syarikat mengurangkan risiko kendaliannya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman dan peraturan yang komprehensif, yang mana disemak secara kerap dan diaudit dari masa ke semasa oleh juruaudit dalaman.

### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi perakaunan yang telah ditetapkan di bawah ini telah digunapakai secara konsisten bagi tempoh masa yang berkaitan di dalam penyata-penyata kewangan dan telah digunapakai secara konsisten oleh entiti Kumpulan.

#### (a) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang telah disatukan adalah terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan subsidiari yang disediakan sehingga ke akhir tahun kewangan.

#### (i) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan kendalian bagi memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya, pada amnya melalui pemegangan saham yang melebihi separuh daripada hak mengundi.

Subsidiari-subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan belian. Keputusan subsidiari yang diambil pada tahun kewangan semasa dimasukkan dari tarikh di mana kuasa pengawalan dipindahkan ke Kumpulan. Pada tarikh pembelian, nilai semasa aset-aset subsidiari, liabiliti serta liabiliti-liabiliti luarjangka adalah dikenalpasti dan ditunjukkan di dalam penyata kewangan yang disatukan. Kos pembelian adalah ditentukan sebagai nilai semasa aset-aset yang diberi, instrumen ekuiti yang dikeluarkan dan liabiliti-liabiliti yang dikenakan atau diandaikan pada tarikh pertukaran termasuk kos yang berkaitan di atas pembelian itu.

Jumlah aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari dimasukkan di dalam kunci kira-kira Kumpulan manakala kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti ke atas aset-aset bersih dinyatakan secara berasingan. Semua urusan-urusan penting antara syarikat-syarikat, baki-baki dan untung belum direalisasikan ke atas urusan-urusan adalah dihapuskan semasa penyatuan. Kerugian belum direalisasikan ke atas urusan-urusan juga dihapuskan melainkan sekiranya kos tidak dapat diperolehi semula.

Keputusan subsidiari-subsidiari yang telah dipupuskan dalam tahun semasa tidak lagi disatukan dari tarikh di mana kuasa pengawalan ditamatkan. Keuntungan atau kerugian di atas penjualan subsidiari iaitu perbezaan di antara perolehan jualan bersih dan hak Kumpulan ke atas aset-aset bersihnya termasuk jumlah terkumpul daripada perbezaan pertukaran matawang berkaitan subsidiari diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan.

Maklumat terperinci subsidiari ini dinyatakan di dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (a) Asas Penyatuan (Sambungan)

###### (ii) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara dalam pengurusan, tetapi bukannya dikuasai dan bukannya subsidiari ataupun entiti yang dikawal bersama. Pengaruh yang kuat adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam memutuskan dasar kewangan dan kendalian syarikat bersekutu tetapi tiada kuasa untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Hasil bagi Kumpulan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyatuan penyata kewangan melalui kaedah perakaunan ekuiti. Apabila kerugian bagi kumpulan dalam syarikat bersekutu melebihi kepentingannya dalam ekuiti yang diambilkira dalam syarikat bersekutu, nilai kepentingan berkenaan termasuk pelaburan jangka panjang dikurangkan sehingga kosong dan kerugian seterusnya tidak akan diambilkira melainkan Kumpulan mempunyai tanggungan atau jaminan tanggungan terhadap syarikat bersekutu. Di dalam kunci kira-kira yang disatukan kepentingan Kumpulan di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan dicampur bahagian pasca pemilikan keuntungan terkumpul dan rizab selepas ditolak rosotnilai. Di mana perlu, penyesuaian dibuat ke atas penyata kewangan syarikat bersekutu untuk memastikan ianya konsisten dengan polisi perakaunan Kumpulan.

Butiran-butiran syarikat bersekutu Syarikat ditunjukkan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

##### (b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos atau berdasarkan penilaian ditolak susutnilai serta rosotnilai terkumpul.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait langsung dengan pemerolehan aset. Kos aset yang dibangunkan sendiri termasuk kos bahan mentah, buruh langsung, sebarang kos lain yang berkait langsung untuk membolehkan aset dibawa kepada keadaan di mana ianya boleh digunapakai bagi tujuan yang diingini, dan kos pembongkaran serta pemindahan butiran hartanah, loji dan peralatan serta membaik pulih kawasan di mana aset itu diletakkan. Bilamana bahagian-bahagian hartanah, loji dan peralatan mempunyai usiaguna berbeza, setiap bahagian akan diakaunkan sebagai butiran tersendiri (komponen utama) di dalam hartanah, loji dan peralatan.

Tanah pajak jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak susutnilai serta rosotnilai terkumpul.

###### ***Kos yang ditanggung seterusnya***

Kos untuk menggantikan satu bahagian daripada butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam nilai bawaan butiran tersebut sekiranya dijangkakan bahawa faedah ekonomi daripada bahagian tersebut akan diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat dan kos dapat diukur dengan munasabah. Kos harian untuk mengekalkan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif bilamana ianya ditanggung.

###### ***Jualan***

Keuntungan atau kerugian daripada jualan butiran hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil bersih dari jualan dengan nilai bawaan butiran tersebut. Ianya diiktiraf pada tarikh jualan secara bersih sebagai sebahagian daripada pendapatan lain yang dilaporkan di dalam penyata pendapatan komprehensif.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (b) Harta tanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

###### **Susutnilai**

Susutnilai dikira dengan menggunakan jumlah yang disusutnilaikan, iaitu kos aset, atau jumlah lain yang menggantikan kos, tolak nilai bakian.

Hartanah, loji dan peralatan yang sedang dibangunkan tidak disusutnilaikan. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan lain diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang usia guna setiap bahagian hartanah, loji dan peralatan, memandangkan ianya menggambarkan corak penjanaaan faedah ekonomi daripada aset tersebut.

Usia guna yang dianggarkan adalah seperti berikut:

Bangunan	4%
Semua butiran hartanah, loji dan peralatan lain	20%

Tanah pajakan dilunaskan sepanjang tempoh pajakan yang tinggal iaitu 82 tahun.

Kaedah susutnilai, usiaguna dan nilai bakian disemak, dan dilaraskan sebagaimana diperlukan pada setiap tarikh laporan.

##### (c) Pajakan-pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika sebahagian besar risiko dan manfaat berkaitan pemilikan berpindah kepada Kumpulan dan Syarikat.

###### **Pajakan kewangan**

Aset-aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajakan-pajakan kewangan adalah dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai kini pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan ditunjukkan sebagai pinjaman di dalam penyata kedudukan kewangan. Dalam pengiraan nilai kini pembayaran pajakan minima, kadar diskaun yang digunakan ialah kadar faedah terkandung di dalam pajakan apabila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar pinjaman "incremental" CGC akan digunakan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajakan dan nilai saksama aset yang diambilalih, adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif di sepanjang penggal pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar berkala yang tetap ke atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset-aset pajakan adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti dinyatakan dalam Nota 4(b).

###### **Pajakan operasi**

Pembayaran yang dibuat ke atas pajakan operasi dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (d) Aset-aset tidak ketara

Aset-aset tidak ketara terdiri daripada kos data yang dipermodalkan, perisian aplikasi dan kos laman web.

Aset-aset tidak ketara dengan usia guna yang terhad, dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya pelupusan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Pelupusan bermula daripada tarikh aset-aset tidak ketara telah tersedia untuk digunakan, dan diambilkira dalam untung dan rugi pada kaedah garis lurus sepanjang usia guna aset-aset tidak ketara.

Usia guna yang dianggarkan adalah seperti berikut:

Kos data yang dipermodalkan	5 tahun
Perisian aplikasi	5 tahun
Kos laman web	5 tahun

Kaedah-kaedah pelupusan, usia guna dan nilai bakian disemak semula pada akhir setiap tempoh laporan dan diubah, jika perlu.

Perbelanjaan lanjutan akan dipermodalkan hanya jika ianya meningkatkan faedah-faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berhubung kait dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambilkira dalam untung dan rugi apabila ianya ditanggung.

##### (e) Instrumen Kewangan

###### *Instrumen kewangan bukan derivatif*

Instrumen kewangan diiktiraf bilamana Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan yang berkenaan. Pembelian dan jualan instrumen kewangan secara biasa merupakan pembelian dan jualan yang memerlukan penghantaran aset berkenaan di dalam suatu tempoh masa yang ditentukan oleh peraturan atau ketetapan yang berkuatkuasa di dalam pasaran instrumen kewangan berkenaan. Segala pembelian dan jualan aset kewangan secara biasa diperakunkan pada tarikh urusniaga, iaitu tarikh Kumpulan memberikan komitmen untuk membeli atau menjual aset berkenaan.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (e) Instrumen Kewangan (Sambungan)

###### ***Instrumen kewangan bukan derivatif (Sambungan)***

Instrumen kewangan bukan derivatif selain daripada instrumen yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian, direkodkan pada awalnya pada nilai saksama campur dengan sebarang kos urusniaga yang berkait langsung dengan instrumen tersebut. Instrumen yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian pula akan direkodkan pada nilai saksama sahaja. Selepas pengiktirafan dan klasifikasi awal, instrumen kewangan bukan derivatif akan diukur sebagaimana dinyatakan di bawah:

	Pengkelasan sedia ada	Peraturan pengukuran
Aset kewangan	Nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	Nilai saksama dengan perubahan nilai saksama diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian
	Dipegang sehingga matang	Kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif
	Pinjaman dan penghutang	Kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif
	Tersedia untuk dijual	Nilai saksama dengan perubahan nilai saksama diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif
Liabiliti kewangan	Nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian	Nilai saksama dengan perubahan nilai saksama diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian
	Lain-lain liabiliti kewangan	Kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif

Aset kewangan dinyahiktiraf sekiranya hak berkontrak Kumpulan untuk menerima aliran tunai daripada aset ini telah tamat tempoh atau Kumpulan telah memindahkan aset kewangan tersebut kepada pihak lain tanpa mengekalkan sebarang bentuk kawalan ke atas aset tersebut atau telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset tersebut kepada pihak lain. Semasa aset kewangan dinyahiktiraf keseluruhannya, perbezaan di antara nilai bawaan aset kewangan dan jumlah konsiderasi diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang telah diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif akan diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi Kumpulan seperti yang dinyatakan di dalam kontrak telahpun tamat tempoh atau telah ditamatkan atau dibatalkan. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama dengan terma yang berbeza dengan ketara, atau terma liabiliti yang sedia ada diubahsuai dengan ketara, penggantian atau modifikasi diperlakukan sebagai penyahiktirafan liabiliti sedia ada dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawaan masing-masing diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

Aset dan liabiliti kewangan dibedakan dan jumlah bersih ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan, bila, dan hanya bila, Kumpulan mempunyai hak di bawah undang-undang untuk membedakan jumlah-jumlah yang terlibat dan bercadang untuk samada menyelesaikan liabiliti kewangan secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti dengan serentak.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (e) Instrumen Kewangan (Sambungan)

###### *Instrumen kewangan bukan derivatif (Sambungan)*

Kumpulan mempunyai kategori-kategori instrumen kewangan bukan derivatif seperti berikut:-

###### *Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi*

Aset kewangan dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi sekiranya aset tersebut dipegang untuk dijual atau telah dijuruskan sedemikian semasa ianya diiktiraf. Aset kewangan yang dipegang untuk dijual adalah derivatif (termasuk derivatif terselindung yang telah diasingkan) atau aset kewangan yang telah diperolehi terutamanya untuk dijual di dalam jangkamasa terdekat. Aset sedemikian termasuk pelaburan Syarikat dengan pengurus dana.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan di dalam nilai saksama diiktiraf di dalam untung atau rugi. Untung bersih atau rugi bersih ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan di dalam tukaran matawang asing, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan tukaran matawang asing, faedah dan pendapatan dividen ke atas aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf secara berasingan di dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

###### *Pinjaman dan penghutang*

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau yang telah ditentukan yang tidak disenaraikan di pasaran aktif. Aset sedemikian termasuk yuran belum terima Syarikat, jumlah terhutang oleh subsidiari, jumlah terhutang oleh Bank Negara Malaysia, jumlah terhutang oleh syarikat bersekutu, jumlah terhutang oleh ERF Sdn. Bhd., pinjaman dan pendahuluan, deposit, faedah belum terima serta tunai dan baki di bank.

Aset di bawah kategori ini diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama campur sebarang kos urusniaga secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos tertunas menggunakan kaedah faedah efektif, ditolak sebarang rosotnilai.

###### *Dipegang sehingga matang*

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau yang telah ditentukan dan tempoh matang yang tetap dikelaskan sebagai dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai maksud positif dan keupayaan untuk memegang aset tersebut sehingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, aset yang dipegang sehingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam akaun untung dan rugi bilamana aset tersebut dinyahiktiraf atau dirosotnilaikan, dan melalui proses pelunasan kos.

###### *Aset kewangan tersedia untuk dijual*

Aset kewangan tersedia untuk dijual adalah aset kewangan yang telah dijuruskan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak dikelaskan ke dalam mana-mana satu daripada tiga kategori yang lepas. Aset sedemikian termasuk sekuriti pelaburan Syarikat dan dana pelaburan.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (e) Instrumen Kewangan (Sambungan)

###### ***Aset kewangan tersedia untuk dijual (Sambungan)***

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan di dalam nilai saksama diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif, selain daripada rosotnilai, keuntungan atau kerugian daripada pertukaran matawang asing berkenaan dengan instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif yang kesemuanya diiktiraf di dalam keuntungan dan kerugian. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan daripada ekuiti ke untung atau rugi sebagai catatan reklasifikasi bilamana aset kewangan dinyahiktiraf. Dividen daripada aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf di dalam untung atau rugi bilamana hak Kumpulan untuk menerima bayaran telah ditentukan.

###### ***Lain-lain liabiliti kewangan***

Lain-lain liabiliti kewangan Syarikat termasuk tuntutan perlu bayar dan lain-lain pemiutang, jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia, Dana Kerajaan, Dana Pembiayaan Usahawan Kecil, Skim Jaminan Usahawan Kecil dan Tabung Usahawan Kecil.

Liabiliti sedemikian diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama campur sebarang kos urusniaga secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan sedemikian dinyatakan pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

##### (f) Rosotnilai Aset

###### ***Aset kewangan (dinyatakan pada kos terlunas)***

Aset kewangan yang dinyatakan pada kos terlunas dinilai pada setiap tarikh membuat laporan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang ianya telah mengalami rosotnilai. Aset kewangan dikatakan telah mengalami rosotnilai jika bukti objektif menunjukkan bahawa sesuatu peristiwa yang membawa kepada kerugian telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut, dan peristiwa tersebut mempunyai kesan negatif terhadap aliran tunai dijangkakan daripada aset tersebut yang boleh ditentukan dengan munasabah.

Bukti objektif yang menunjukkan bahawa aset-aset kewangan telah mengalami rosotnilai termasuk (tetapi tidak terhad kepada) peristiwa-peristiwa berikut: kegagalan penghutang membuat bayaran, penstrukturan jumlah terhutang kepada Kumpulan berdasarkan syarat-syarat yang biasanya tidak akan diterima oleh Kumpulan, petanda yang penghutang atau pihak pengeluar sekuriti kewangan akan diisytiharkan bankrupt, dan kehilangan pasaran aktif untuk sekuriti.

Aset kewangan secara amnya dinilai untuk rosotnilai secara individu. Walau bagaimanapun, untuk beberapa kategori aset kewangan, seperti pinjaman dan pendahuluan, terdapat penilaian secara kolektif. Elaun rosotnilai untuk pinjaman dan pendahuluan secara kolektif, ditentukan berdasarkan Garis Panduan BNM Bersabit dengan Klasifikasi Pinjaman/Pembiayaan yang mengalami rosotnilai dan peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu bagi Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).

Rosotnilai aset kewangan yang dinyatakan pada kos yang dilunaskan dikira sebagai perbezaan di antara nilai buku aset tersebut, dan nilai masa kini aliran tunai di masa hadapan yang didiskaunkan menggunakan kadar faedah efektif asal aset tersebut. Kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif dan diambilkira di dalam akaun elaun rosotnilai penghutang. Faedah ke atas aset yang dirosotnilai akan terus diiktiraf melalui pengurangan di dalam diskaun.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (f) Rosotnilai Aset (Sambungan)

###### ***Aset kewangan (dinyatakan pada kos terlunas) (Sambungan)***

Rosotnilai akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif. Rosotnilai bagi aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan yang dahulunya telah dicajkan ke penyata pendapatan komprehensif akan dikreditkan ke penyata yang sama jika penambahan seterusnya di dalam nilai saksama dapat dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosotnilai itu diiktiraf.

###### ***Aset kewangan yang tersedia untuk dijual***

Penurunan berterusan dan ketara di dalam nilai saksama sehingga lebih rendah berbanding kos, masalah kewangan yang ketara dihadapi oleh pihak yang mengeluarkan sekuriti, dan hilangnya pasaran aktif untuk berurusan adalah di antara faktor yang perlu dipertimbangkan di dalam menentukan sama ada sekuriti pelaburan yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual telah mengalami rosotnilai.

Sekiranya aset kewangan yang tersedia untuk dijual mengalami rosotnilai, satu jumlah yang mewakili perbezaan di antara kos (setelah ditolak bayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama aset tersebut, ditolak sebarang rosotnilai yang terdahulunya telah diiktiraf di dalam untung atau rugi, akan dipindah daripada ekuiti kepada untung dan rugi.

Rosotnilai untuk pelaburan berbentuk ekuiti yang dikelaskan sebagai aset kewangan yang tersedia untuk dijual tidak akan dikreditkan kepada untung atau rugi di dalam tempoh masa berikutnya. Penambahan di dalam nilai saksama, jika ada, selepas rosotnilai akan diiktiraf di dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Untuk pelaburan di dalam hutang yang dikelaskan sebagai aset kewangan yang tersedia untuk dijual, rosotnilai akan kemudiannya dikreditkan kepada untung atau rugi jika penambahan di dalam nilai saksama pelaburan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosotnilai itu diiktiraf di dalam untung atau rugi.

###### ***Aset yang bukan aset kewangan***

Pada setiap tarikh membuat laporan, nilai bawaan aset Kumpulan yang bukan aset kewangan akan disemak untuk menentukan sama ada terdapat petanda yang menunjukkan bahawa aset tersebut telah mengalami rosotnilai. Jika terdapat sebarang petanda, nilai boleh pulih aset tersebut akan dianggar.

Nilai boleh pulih aset diperolehi dengan membandingkan nilai saksama selepas ditolak kos jualan dan nilai daripada penggunaan aset tersebut, dan kemudiannya mengambil nilai yang lebih tinggi di antara dua nilai yang dinyatakan. Di dalam menentukan nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai di masa hadapan didiskaunkan ke masa kini dengan menggunakan satu kadar diskaun sebelum kesan cukai yang menggambarkan penilaian kini pasaran tentang nilai masa kini wang serta risiko yang spesifik kepada aset tersebut.

Rosotnilai yang telah diiktiraf di tahun-tahun terdahulu akan disemak semula pada setiap tarikh laporan untuk sebarang petanda yang rosotnilai telah berkurangan atau tiada lagi. Pengurangan rosotnilai akan dikreditkan kepada untung atau rugi jika ianya berpunca daripada perubahan di dalam anggaran yang digunapakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset. Pengurangan di dalam rosotnilai akan diiktiraf sehingga nilai bawaan aset yang baru tidak melebihi nilai bawaan yang akan wujud, setelah ditolak susutnilai dan pelunasan, sekiranya tiada rosotnilai diiktiraf. Sebarang pengurangan di dalam rosotnilai akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (g) Pelaburan di dalam subsidiari dan syarikat bersekutu

Pelaburan dinyatakan pada kos di dalam penyata kewangan. Elaun untuk penurunan di dalam nilai pelaburan dibuat bilamana pengarah menganggap terdapat penurunan, selain daripada penurunan sementara, di dalam nilai pelaburan.



#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (h) Pengiktirafan Hasil

Yuran jaminan diiktiraf menggunakan asas akruan sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap, bon Cagamas, Pelaburan Berstruktur dan bon-bon lain diiktiraf menggunakan asas akruan.

##### (i) Penukaran Matawang Asing

Urusniaga di dalam matawang asing akan dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar tukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, butiran monetari yang dinyatakan di dalam matawang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia menggunakan kadar tukaran yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Butiran bukan monetari yang dinyatakan pada nilai saksama dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia akan ditukar kepada Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar tukaran yang berkuatkuasa pada tarikh nilai saksama ditentukan.

##### (j) Peruntukan untuk Tuntutan di bawah Skim-Skim Jaminan

Peruntukan spesifik untuk tuntutan dibuat berdasarkan pemberitahuan oleh bank bilamana akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar. Pengelasan akaun-akaun sebagai tidak berbayar oleh institusi kewangan adalah berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ke atas Penangguhan Faedah Terhadap Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan untuk Hutang Lapuk dan Meragukan, BNM/GP3 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Di dalam masa yang sama, peruntukan am sebanyak 1.5% (2009: 1.5%) daripada jumlah kemudahan kredit yang dijamin oleh Syarikat ditolak peruntukan spesifik juga dibuat.

Peruntukan untuk tuntutan dicajkan terus kepada penyata pendapatan komprehensif. Pemindahan lebihan atau defisit kepada rizab yang spesifik akan dibuat daripada kentungan terkumpul.

##### (k) Peruntukan bagi Liabiliti-liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti-liabiliti diambilkira apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa disebabkan peristiwa yang lepas; ada kemungkinan pengaliran keluar keuntungan diperlukan bagi menunaikan tanggungan dan anggaran kasar jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan akan dikira semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan bagi menunjukkan anggaran yang paling tepat. Apabila kesan nilai masa sebagai berharga itu tinggi, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang mungkin diperlukan bagi membayar tanggungan.

##### (l) Kebajikan Pekerja

###### Kebajikan jangka pendek

Upah, gaji dan bonus adalah dikenalpasti sebagai perbelanjaan dalam tahun tersebut yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh pekerja-pekerja Kumpulan dan Syarikat. Pampasan jangka pendek terkumpul bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar dikenalpasti bila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja yang mana meningkatkan hak mereka untuk pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan jangka pendek tidak terkumpul bagi ketidakhadiran seperti cuti sakit adalah dikenalpasti bila ketidakhadiran berlaku.

Mengikut undang-undang, Kumpulan dan Syarikat dikehendaki membuat sumbangan ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan seumpama ini adalah diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila ianya berlaku.

#### 4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

##### (m) Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Wang tunai adalah wang tunai di tangan dan baki dalam bank.

Kesamaan wang tunai adalah aset jangka pendek, mempunyai tahap kecairan yang tinggi yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam jumlah yang boleh ditentukan pada bila-bila masa dan mempunyai risiko perubahan nilai yang amat kecil.

#### 5. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Kumpulan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempunyai kesan ke atas jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan tentang kontingensi luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun ketidakpastian tentang andaian dan anggaran ini mungkin membawa kepada suatu keputusan yang memerlukan pelarasan yang ketara di masa hadapan dibuat ke atas nilai bawaan aset atau liabiliti.

##### (a) Elaun untuk rosotnilai pinjaman dan pendahuluan

Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang berhubung kait dengan rosotnilai pinjaman dan pendahuluan merupakan anggaran perakaunan yang kritikal kerana andaian yang diguna untuk penilaian rosotnilai secara individu atau umum mungkin berubah dari satu tempoh ke satu tempoh dan mungkin mempunyai kesan yang ketara ke atas keputusan kewangan Kumpulan dan Syarikat dari operasi.

Di dalam menilai rosotnilai aset, pertimbangan oleh pengurusan diperlukan. Penentuan rosotnilai untuk pinjaman dan pendahuluan yang disifatkan ketara secara individu biasanya memerlukan penggunaan pertimbangan pengurusan tentang perkara-perkara seperti kedudukan ekonomi semasa, prestasi kewangan "counterparty" dan nilai jaminan yang dipegang, yang mana mungkin tiada pasaran yang mudah dimasuki. Jumlah sebenar aliran tunai di masa hadapan dan bilamana ianya timbul mungkin berbeza dari anggaran yang diguna oleh pengurusan dan ini seterusnya akan mengakibatkan jumlah kerugian sebenar berbeza daripada kerugian yang dilaporkan.

Elaun rosotnilai untuk pinjaman dan pendahuluan secara umum, ditentukan berpandu kepada Garis Panduan ke atas Kelasifikasi Rosotnilai bagi Pinjaman/Pembiayaan dan peruntukan bagi hutang hapuk dan meragukan bagi Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) yang dikeluarkan oleh BNM.

##### (b) Anggaran Usiaguna Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan dan Syarikat menyemak secara tahunan akan usiaguna hartanah, loji dan peralatan yang dianggarkan berdasarkan faktor seperti rancangan perniagaan dan strategi, tahap penggunaan yang dijangkakan dan perkembangan teknologi di masa hadapan. Keputusan dari operasi di masa hadapan mungkin dipengaruhi secara material oleh perubahan di dalam anggaran yang dibawa oleh perubahan di dalam faktor-faktor yang disebut. Pengurangan di dalam usiaguna hartanah, loji dan peralatan yang dianggarkan akan meningkatkan susutnilai yang direkodkan dan mengurangkan nilai buku hartanah, loji dan peralatan.

#### 6. MATAWANG FUNGSIAN DAN PEMBENTANGAN

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan adalah diukur berdasarkan kadar matawang ekonomi setempat di mana entiti itu beroperasi. Penyata kewangan yang telah disatukan ini dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia, yang juga matawang fungsian CGC.

## 7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN	Tanah Pegangan Pajakan		Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Peralatan Komputer RM'000	Kerja dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000	
	Bangunan RM'000	Jangka Panjang RM'000						
<b>2010</b>								
<b>Kos:</b>								
Pada 1 Januari								
Dinyatakan terdahulu	39,081	—	845	1,901	12,029	21,952	332	76,140
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	5,010	—	—	—	—	—	5,010
Dinyatakan semula	39,081	5,010	845	1,901	12,029	21,952	332	81,150
Tambahan	—	—	—	140	1,030	849	1,763	3,782
Pindahan	—	—	—	—	37	—	(64)	(27)
Pelupusan	—	—	—	(11)	(6)	(10)	—	(27)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	845	2,030	13,090	22,791	2,031	84,878
<b>Susutnilai terkumpul</b>								
Pada 1 Januari								
Dinyatakan terdahulu	20,322	—	559	1,270	8,437	10,365	—	40,953
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	2,109	—	—	—	—	—	2,109
Dinyatakan semula	20,322	2,109	559	1,270	8,437	10,365	—	43,062
Caj tahun semasa	1,563	35	169	174	1,022	3,716	—	6,679
Penghapusan atas pelupusan	—	—	—	(10)	(6)	(5)	—	(21)
Pada 31 Disember	21,885	2,144	728	1,434	9,453	14,076	—	49,720
Nilai Buku Bersih pada 31 Disember 2010	17,196	2,866	117	596	3,637	8,715	2,031	35,158

RM242,688 (2009: RM242,688) dari susutnilai untuk tahun ini telah dimasukkan di bawah kos perkhidmatan yang disediakan seperti tertera di dalam Nota 35 kepada penyata kewangan.

Geran kepada tanah pegangan pajakan masih belum diterima dari Pejabat Tanah.

## 7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

SYARIKAT	Bangunan RM'000	Tanah	Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Kelengkapan RM'000	Peralatan Komputer RM'000	Kerja dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
		Pegangan Pajakan Jangka Panjang RM'000						
<b>2010</b>								
<b>Kos:</b>								
Pada 1 Januari								
Dinyatakan terdahulu	39,081	—	845	1,833	11,578	20,558	332	74,227
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	5,010	—	—	—	—	—	5,010
Dinyatakan semula	39,081	5,010	845	1,833	11,578	20,558	332	79,237
Tambahan	—	—	—	137	1,030	844	1,763	3,774
Pindahan	—	—	—	—	37	—	(64)	(27)
Pelupusan	—	—	—	(11)	(6)	(10)	—	(27)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	845	1,959	12,639	21,392	2,031	82,957
<b>Tolak: Susutnilai terkumpul</b>								
Pada 1 Januari								
Dinyatakan terdahulu	20,322	—	559	1,257	8,325	10,006	—	40,469
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	2,109	—	—	—	—	—	2,109
Dinyatakan semula	20,322	2,109	559	1,257	8,325	10,006	—	42,578
Caj tahun semasa	1,563	35	169	160	933	3,437	—	6,297
Penghapusan atas pelupusan	—	—	—	(10)	(6)	(5)	—	(21)
Pada 31 Disember	21,885	2,144	728	1,407	9,252	13,438	—	48,854
Nilai Buku Bersih pada 31 Disember 2010	17,196	2,866	117	552	3,387	7,954	2,031	34,103

## 7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

KUMPULAN	Bangunan RM'000	Tanah	Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Peralatan Komputer RM'000	Kerja dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
		Pegangan Pajakan Jangka Panjang RM'000					
<b>2009</b>							
<b>Kos:</b>							
Pada 1 Januari							
Dinyatakan terdahulu	39,081	—	845	1,596	9,522	2,123	73,258
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	5,010	—	—	—	—	5,010
Dinyatakan semula	39,081	5,010	845	1,596	9,522	2,123	78,268
Tambahan	—	—	—	473	1,103	332	3,840
Pindahan	—	—	—	—	1,553	(2,123)	—
Jualan	—	—	—	(154)	(81)	—	(876)
Pelupusan	—	—	—	(14)	(68)	—	(82)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	845	1,901	12,029	332	81,150
<b>Susutnilai terkumpul:</b>							
Pada 1 Januari							
Dinyatakan semula	18,759	—	390	1,287	7,867	—	36,101
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	2,074	—	—	—	—	2,074
Dinyatakan semula	18,759	2,074	390	1,287	7,867	—	38,175
Caj bagi tahun ini	1,563	35	169	150	719	—	5,844
Penghapusan atas jualan	—	—	—	(154)	(81)	—	(876)
Penghapusan atas pelupusan	—	—	—	(13)	(68)	—	(81)
Pada 31 Disember	20,322	2,109	559	1,270	8,437	—	43,062
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	18,759	2,901	286	631	3,592	332	38,088

RM242,688 (2008: RM80,896) dari susutnilai untuk tahun ini telah dimasukkan di bawah kos perkhidmatan yang disediakan seperti tertera di dalam Nota 35 kepada penyata kewangan.

## 7. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

SYARIKAT	Bangunan RM'000	Tanah	Kenderaan Bermotor RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Kelengkapan RM'000	Peralatan Komputer RM'000	Kerja dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
		Pegangan Pajakan Jangka Panjang RM'000						
<b>2009</b>								
<b>Kos:</b>								
Pada 1 Januari								
Dinyatakan terdahulu	39,081	—	845	1,552	9,518	18,778	2,123	71,897
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	5,010	—	—	—	—	—	5,010
Dinyatakan semula	39,081	5,010	845	1,552	9,518	18,778	2,123	76,907
Tambahan	—	—	—	449	656	1,851	332	3,288
Pindahan	—	—	—	—	1,553	570	(2,123)	—
Jualan	—	—	—	(154)	(81)	(641)	—	(876)
Pelupusan	—	—	—	(14)	(68)	—	—	(82)
Pada 31 Disember	39,081	5,010	845	1,833	11,578	20,558	332	79,237
<b>Susutnilai terkumpul:</b>								
Pada 1 Januari								
Dinyatakan terdahulu	18,759	—	390	1,285	7,867	7,714	—	36,015
Kesan daripada aplikasi pindaan kepada FRS 117	—	2,074	—	—	—	—	—	2,074
Dinyatakan semula	18,759	2,074	390	1,285	7,867	7,714	—	38,089
Caj bagi tahun ini	1,563	35	169	139	607	2,933	—	5,446
Penghapusan atas jualan	—	—	—	(154)	(81)	(641)	—	(876)
Penghapusan atas pelupusan	—	—	—	(13)	(68)	—	—	(81)
Pada 31 Disember	20,322	2,109	559	1,257	8,325	10,006	—	42,578
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	18,759	2,901	286	576	3,253	10,552	332	36,659

## 8. ASET-ASET TIDAK KETARA

KOS	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	<b>26,510</b>	24,940	<b>19,119</b>	18,579
Tambahan bagi tahun ini	<b>3,453</b>	1,570	<b>2,020</b>	540
Pindaan dari Kerja dalam Kemajuan	<b>27</b>	—	<b>27</b>	—
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>29,990</b>	26,510	<b>21,166</b>	19,119
Penulasan terkumpul:				
Pada 1 Januari	<b>15,558</b>	13,508	<b>13,766</b>	13,128
Caj penulasan bagi tahun	<b>2,989</b>	2,050	<b>1,382</b>	638
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>18,547</b>	15,558	<b>15,148</b>	13,766
<b>Nilai bersih dibawa ke hadapan</b>	<b>11,443</b>	10,952	<b>6,018</b>	5,353

Aset-aset tidak ketara termasuk kos perolehan data yang telah dipermodalkan, aplikasi perisian dan kos laman web.

Caj-caj pelunasan bagi tahun ini yang berjumlah RM1,608,368 (2009: RM1,412,578) telah dimasukkan di bawah kos perkhidmatan disediakan seperti tertera di dalam Nota 35 kepada penyata kewangan.

## 9. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	SYARIKAT	
	2010 RM	2009 RM
Saham-saham tidak tersiar harga, pada kos	<b>9,900,000</b>	2

Butiran terperinci syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti	
		2010	2009
Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd. (CBMSB) ** (dahulunya dikenali sebagai SME Credit Bureau (M) Sdn Bhd.)	Penghasilan dan penyediaan perkhidmatan rujukan kredit, penilaian kredit dan perkhidmatan sedemikian yang berkait dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta institusi kewangan.	<b>55%</b>	100%

## 9. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Pada 23 April 2010, Syarikat telah melanggan saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu sebanyak 9,899,998 dari 17,999,998 yang diterbitkan oleh CBMSB dengan mempermodalkan RM9,899,998 dari jumlah yang dihutang kepada syarikat induk.

\*\* Pengurangan di dalam peratusan pegangan ekuiti kerana 8,100,000 dari saham biasa baru yang dimiliki oleh CBMSB telah diterbitkan kepada pemilik saham baru.

## 10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Saham-saham tidak tersiar harga, pada kos	<b>500,200</b>	500,200	<b>500,200</b>	500,200
Bahagian daripada keuntungan pasca pemilikan	<b>10,084</b>	4,406	—	—
	<b>510,284</b>	504,606	<b>500,200</b>	500,200

Butiran terperinci syarikat bersekutu yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Aktiviti Utama	Pegangan Ekuiti	
		2010	2009
Aureos CGC Advisers Sdn. Bhd.*	Perkhidmatan khidmat nasihat	<b>40%</b>	40%
Danajamin Nasional Berhad *	Menyediakan insuran jaminan kewangan	<b>50%</b>	50%

\*Tidak diaudit oleh Salleh, Leong, Azlan dan Co.



## 10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMBUNGAN)

Ringkasan maklumat kewangan syarikat-syarikat bersekutu tidak diselaraskan mengikut peratusan pemilikan Kumpulan adalah seperti berikut:

	DANAJAMIN		AUREOS	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>Aset-aset dan liabiliti-liabiliti (100%)</b>				
Aset-aset semasa	1,034,254	1,007,683	581	527
Aset-aset bukan semasa	3,549	2,538	99	219
<b>Jumlah aset-aset</b>	<b>1,037,803</b>	<b>1,010,221</b>	<b>680</b>	<b>746</b>
Liabiliti-liabiliti semasa	17,224	1,476	47	125
Liabiliti-liabiliti bukan semasa	—	—	13	39
<b>Jumlah liabiliti-liabiliti</b>	<b>17,224</b>	<b>1,476</b>	<b>60</b>	<b>164</b>
<b>Hasil Urusan (100%)</b>				
Pendapatan	29,768	14,125	1,700	1,697
Untung selepas cukai	10,624	8,745	38	45
<b>Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun</b>	<b>11,327</b>	<b>8,745</b>	<b>38</b>	<b>45</b>

## 11. DANA PELABURAN

Dana pelaburan akan digunakan untuk membiayai pelaburan-pelaburan di Malaysia (tidak lebih daripada 70%) dan negara-negara ASEAN (sehingga 30%).

Di dalam tahun 2007, CGC telah menandatangani Perjanjian Pemegang Saham bersama Aureos Malaysia Fund LLC., Aureos South-East Asia Ltd (Pengurus) dan lain-lain (Pelabur-pelabur). Perjanjian tersebut memperuntukkan setiap Pelabur, termasuk CGC untuk melanggan sejumlah Saham-saham Biasa Kelas A dan membayar Sumbangan Modal pada jumlah yang ditentukan yang mungkin akan dipanggil secara agregat yang mana telah dipersetujui di dalam perjanjian tersebut.

Syarikat mempunyai komitmen untuk melanggan sebanyak 10,000,000 Saham Biasa Kelas A pada harga USD1 sesaham. Pada 31 Disember 2010, Syarikat telah melanggan dan membayar sejumlah 3,142,625 (2009: 2,193,500) Saham Biasa Kelas A pada harga USD1 sesaham yang bersamaan RM10,732,884 (2009: RM7,689,585).

Perubahan dalam dana pelaburan:

KOS:	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	7,690	1,894
Dilanggan dan dibayar dalam tahun kewangan	3,043	5,796
Pada 31 Disember	10,733	7,690
Rizab nilai saksama	(4,319)	—
Nilai saksama pada 31 Disember	6,414	7,690

## 12. JUMLAH BELUM BERBAYAR (KEPADA)/DARI SUBSIDIARI

Jumlah belum membayar (kepada)/dari subsidiari tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap dan tidak bercagar.

Faedah dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar 2.80% sehingga 4.18% (2009: 2.80% sehingga 4.18%) setahun.

## 13. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI BANK NEGARA MALAYSIA

Jumlah belum membayar dari Bank Negara Malaysia (BNM) terdiri daripada:

- Pembayaran balik tuntutan yang telah dibayar oleh CGC untuk skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) dan skim Kemudahan Jaminan Khas 2 (KJK-2), yang mana akan dibayar balik oleh Bank Negara Malaysia, dan
- Yuran pengurusan belum membayar oleh BNM untuk perkhidmatan yang diberikan oleh CGC dalam mentadbir Skim Jaminan Bantuan PKS (PKS SJB).

Jumlah belum membayar dari Bank Negara Malaysia (BNM) adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

#### 14. JUMLAH BELUM BERBAYAR DARI SYARIKAT BERSEKUTU

Jumlah pinjaman belum dibayar dari Danajamin Nasional Berhad adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

#### 15. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	132,642	160,186
Tambah: Penebusan pinjaman-pinjaman Dipinjamkan dalam tahun	211,740 62,695	6,157 —
Tolak: Bayaran balik diterima	(174,395)	(33,701)
Jumlah Kasar	232,682	132,642
Tolak: Elaun rosotnilai	(23,653)	(10,830)
Nilai bawaan bersih pada 31 Disember	209,029	121,812

Baki tersebut mewakili yang berikut:

- (a) Jumlah yang telah dikeluarkan di bawah Skim-skim Pinjaman Khas CGC seperti yang dirujuk di dalam Nota 21(a)(i) dan (ii) kepada penyata kewangan ini, serta Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB 2).
- (b) Baki tertunggak Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), Tabung Projek Usahawan Bumputera (TPUB) dan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) yang telah diambilalih daripada ERF Sdn. Bhd. dan institusi kewangan bermula dari tahun kewangan 2010.
- (c) Jumlah terhutang oleh akaun-akaun yang dibayar di bawah Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT), SJLT (Semakan), yang telah ditebus oleh Syarikat bermula daripada tahun kewangan 2009 dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera – Islam (TPUB-i).

Pinjaman dan pendahuluan kasar dianalisa mengikut sektor industri seperti berikut:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
- Pengilangan	93,702	—
- Pemborong dan peruncit	49,147	95,397
- Pembinaan	49,859	37,245
- Lain-lain	39,974	—
	232,682	132,642

## 15. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN (SAMBUNGAN)

Struktur tempoh matang pinjaman dan pendahuluan kasar berdasarkan tempoh matang kontrak yang belum luput:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010	2009
	RM'000	RM'000
Matang dalam tempoh satu tahun	28,221	—
Selepas satu tahun hingga tiga tahun	14,612	132,642
Selepas tiga tahun hingga lima tahun	14,983	—
Selepas lima tahun	174,866	—
	232,682	132,642

### Elaun untuk rosotnilai:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010	2009
	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	10,830	13,090
Elaun dalam tahun	13,121	2,719
Jumlah dikreditkan hasil dari kutipan	(298)	(4,979)
Pada 31 Disember	23,653	10,830
<i>Rosotnilai individu (Peruntukan spesifik)</i>	20,663	10,830
<i>Rosotnilai umum (Peruntukan umum)</i>	2,990	—

## 16. PELABURAN DI DALAM SEKURITI DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

## Pelaburan tersedia untuk dijual:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>Disebutharga:</b>		
- Kos:		
Bon Cagamas	120,485	96,779
Faedah akan diterima	978	250
	<b>121,463</b>	97,029
Bon-bon lain	449,382	395,550
Faedah akan diterima	7,724	6,465
	<b>457,106</b>	402,015
	<b>578,569</b>	499,044

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
- Nilai Pasaran:		
<b>Disebutharga:</b>		
Bon Cagamas	121,574	96,779
Faedah akan diterima	978	250
	<b>122,552</b>	97,029
Bon-bon lain	451,775	395,550
Faedah akan diterima	7,724	6,465
	<b>459,499</b>	402,015
Jumlah pelaburan di dalam sekuriti dan faedah akan diterima	<b>582,051</b>	499,044
<b>Tidak disebutharga:</b>		
Produk Berstruktur	350,000	—
Faedah akan diterima	2,250	—
	<b>352,250</b>	—
Jumlah pelaburan di dalam sekuriti dan faedah akan diterima pada nilai pasaran	<b>934,301</b>	499,044

## 16. PELABURAN DI DALAM SEKURITI DAN FAEDAH AKAN DITERIMA (SAMBUNGAN)

### Pelaburan tersedia untuk dijual (Sambungan)

Di dalam tahun semasa, Syarikat telah menjual sebahagian besar dari pelaburannya yang dipegang sehingga matang sebelum tarikh-tarikh matang yang berkenaan. Semua pelaburan yang dipegang sehingga matang yang telah dikelaskan semula sebagai pelaburan tersedia untuk dijual dan Syarikat tidak dibenarkan untuk mengelaskan sebarang pelaburan sebagai pegangan sehingga matang bagi dua tempoh perakaunan samada untuk Syarikat ataupun Kumpulan.

## 17. PELABURAN MELALUI PENGURUS-PENGURUS DANA: NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah melabur RM900 juta dalam instrumen kewangan pendapatan tetap dan ekuiti harga tersiar melalui Pengurus-pengurus Dana yang terpilih.

Nilai pasaran pelaburan oleh Pengurus-pengurus Dana adalah RM912,334,138 (2009: TIADA).

## 18. SIMPANAN TETAP DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Simpanan tetap dengan:		
- bank-bank berlesen	<b>1,717,883</b>	3,235,589
- institusi-institusi kewangan yang lain	<b>1,143,551</b>	1,818,203
	<b>2,861,434</b>	5,053,792
Faedah akan diterima dari:		
- bank-bank berlesen	<b>17,428</b>	28,477
- institusi-institusi kewangan yang lain	—	18,137
	<b>17,428</b>	46,614
	<b>2,878,862</b>	5,100,406

## 19. MODAL SAHAM

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>DIBENARKAN:</b>		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu:- Pada 31 Disember	<b>2,500,000</b>	2,500,000
Saham keutamaan bernilai RM1.00 setiap satu:- Pada 31 Disember	<b>500,000</b>	500,000
	<b>3,000,000</b>	3,000,000
<b>Saham biasa yang dibenarkan terdiri daripada:</b>		
Kelas A	<b>1,500,000</b>	1,500,000
Kelas B	<b>750,000</b>	750,000
Kelas C	<b>250,000</b>	250,000
Jumlah saham biasa yang dibenarkan	<b>2,500,000</b>	2,500,000

Saham Kelas A terdiri dari saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM). Saham Kelas B mengandungi semua saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada pemegang-pemegang saham yang menjalankan perniagaan perbankan. Saham-saham yang tidak dikelasifikasikan sebagai saham Kelas A atau saham Kelas B adalah saham Kelas C. Semua kelas saham biasa mempunyai hak yang samarata antara satu sama lain.

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
<b>DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:</b>		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu:- Pada 31 Disember	<b>1,435,600</b>	1,435,600
200,000,000 saham keutamaan boleh tebus 10 tahun pada kadar 1% tidak terkumpul bernilai RM1.00 setiap satu:- Pada 31 Disember	<b>200,000</b>	200,000
Jumlah	<b>1,635,600</b>	1,635,600

## 19. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Saham-saham utama telah ditebus pada 8 September 2008 dengan penerbitan baru berjumlah RM200 juta saham utama bernilai RM1 sesaham kepada BNM, untuk 10 tahun seterusnya bermula dari 10 September 2008 sehingga 10 September 2018.

Saham keutamaan yang diterbitkan ini memberi hak ke atas dividen tidak terkumpul keutamaan pada kadar 1% (selepas cukai) ke atas modal untuk dibayar dalam masa tertentu mengikut syarat-syarat yang mana pengarah-pengarah dengan kuasa mutlak yang ada dan pada pertimbangan mereka boleh menentukan yang ianya layak diisytiharkan, dibuat atau dibayar dalam sebarang tahun kewangan tetapi tidak akan diberi hak kepada sebarang penyertaan tambahan ke atas keuntungan.

Modal saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya terdiri dari:

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Kelas A	1,097,096	1,097,096
Kelas B	336,746	336,746
Kelas C	1,758	1,758
Jumlah modal saham biasa	1,435,600	1,435,600

## 20. RIZAB-RIZAB

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Rizab Program Khas	208,650	186,883	208,650	186,883
Rizab SPI	19,879	30,237	19,879	30,237
Rizab Khas	247,411	206,771	247,411	206,771
	475,940	423,891	475,940	423,891
Untung Terkumpul	252,845	286,376	249,363	289,699
	728,785	710,267	725,303	713,590

(a) Rizab Program Khas:-

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	186,883	161,407
Dipindahkan dari untung terkumpul	21,767	25,476
Pada 31 Disember	208,650	186,883



## 20. RIZAB-RIZAB (SAMBUNGAN)

Rizab Program Khas diwujudkan untuk menampung kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah TUK, TPUK, AIM, Skim Dana Pembiayaan Francais (SPF), Tabung Ekonomi Belia (TEB) dan PROSPER dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Ini termasuk tabung jaminan sebanyak RM40,000,000 yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dalam tahun 1997 bagi menyerap kerugian yang mungkin dialami di atas pinjaman yang diberikan di bawah TPUK (Nota 23).

(b) Rizab SPI:-

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	30,237	26,734
Pindahan (ke)/dari untung terkumpul	(10,358)	3,503
Pada 31 Disember	19,879	30,237

Rizab Skim Perbankan Islam (SPI) diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka bagi skim SPI di bawah jaminan secara Islam dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai.

(c) Rizab Khas:-

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	206,771	164,890
Pindahan dari untung terkumpul	40,640	41,881
Pada 31 Disember	247,411	206,771

Rizab Khas ini diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka di atas pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh CGC di bawah skim-skim yang lain dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Rizab Khas juga boleh digunakan bagi membayar tuntutan luarjangka bagi skim-skim lain jika diperlukan.

## 21. RIZAB NILAI SAKSAMA

Rizab nilai saksama mewakili perubahan nilai saksama terkumpul bagi aset kewangan yang tersedia untuk dijual, setelah ditolak kesan cukai sehingga ianya dilupuskan atau rosotnilai.

## 22. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	450,000	500,000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	800,000	1,250,000
	<b>1,250,000</b>	1,750,000

Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah membayar balik RM500 juta kepada BNM. Jumlah yang masih terhutang pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

(a) Pembayaran balik dalam masa 12 bulan, terdiri daripada berikut:-

- (i) RM200 juta pinjaman tambahan yang diterima oleh CGC dalam tahun 2001 untuk mentadbir Skim Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2);
- (ii) RM250 juta, untuk mentadbir Tabung Usahawan Baru (TUB 2) diterima dalam tahun 2001.

Pembayaran balik untuk kedua-dua tabung TIKS 2 dan TUB 2 akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan yang terlibat, yang mana lebih awal. Setakat ini kesemua tabung belum habis dibayar balik. Pinjaman ini tertakluk kepada nota perjanjian dan dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun.

(b) Pembayaran balik selepas 12 bulan, terdiri daripada berikut:-

- (i) RM300 juta, tambahan pinjaman yang diterima dalam tahun 2009 untuk mentadbir Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i); dan

Dalam tahun 2009, Bank Negara Malaysia (BNM) bersetuju untuk menyumbangkan RM300 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i), yang ditadbir mengikut "Syariah principle of *qard*". Pinjaman RM300 juta akan dibayar balik pada ulangtahun kelima tarikh pembayaran kecuali penangguhan untuk pembayaran diperolehi.

Pinjaman ini dikenakan caj perkhidmatan sebanyak RM3 juta setahun untuk caj pengurusan dan operasi ke atas nilai pinjaman.

- (ii) RM500 juta, pinjaman tambahan yang diterima dalam tahun 2009 yang bertujuan untuk menubuhkan dan melanggan saham di dalam Danajamin Nasional Berhad.

Dalam tahun 2009, BNM memberi pinjaman RM500 juta kepada CGC untuk menubuhkan dan melanggan saham di dalam Danajamin Nasional Berhad yang mana ianya dimiliki bersama oleh kerajaan dan CGC untuk menjalankan perniagaan dalam penyediaan insuran jaminan kewangan.

Pinjaman RM500 juta ini perlu dibayar penuh dalam masa 14 hari sama ada selepas tamat tempoh pinjaman iaitu 30 tahun daripada 12 Mei 2009, atau tarikh di mana CGC melupuskan keseluruhan pegangan saham dalam Danajamin, seperti ditentukan oleh BNM, yang mana lebih awal.

## 23. TABUNG PEMBIAYAAN USAHAWAN KECIL (TPUK)

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	18,979	30,000
Bayar balik pada tahun ini	(442)	(4,500)
Tuntutan-tuntutan telah dibayar kepada institusi-institusi yang terlibat	(5)	(7,613)
Pungutan dari peminjam-peminjam	137	1,092
Pada 31 Disember	18,669	18,979
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	18,669	18,979

Tabung ini bertujuan untuk menyediakan satu lagi pendekatan bagi usahawan-usahawan kecil mendapatkan bantuan kewangan bagi memaju dan menaikkan taraf perniagaan masing-masing. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada usahawan-usahawan kecil di bawah TPUK adalah tidak melebihi 6% setahun dengan jumlah setiap pinjaman tidak melebihi RM50,000.

Dalam tahun 1996, CGC telah menandatangani satu perjanjian dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang bersetuju untuk menyumbang sebanyak RM200 juta kepada tabung di mana RM50 juta telah diterima dalam tahun 1996. RM50 juta ini tertakluk kepada pembayaran balik dengan jumlah yang sama selama 5 tahun bermula dari ulangtahun kelima setiap sumbangan. Dalam tahun 2001, CGC telah memohon bagi melanjutkan pembayaran balik untuk 5 tahun lagi. Dalam tahun 2006, ansuran pertama berjumlah RM10 juta telah dibayar. Ini telah diikuti oleh ansuran kedua berjumlah RM10 juta dalam tahun 2007. Dalam tahun 2009, CGC bersetuju dan membayar ansuran ketiga berjumlah RM4.5 juta berdasarkan baki dana yang tidak digunakan pada akhir tahun. Ini diikuti oleh ansuran keempat sebanyak RM0.4 juta dalam tahun 2010.

Selain dari itu, MECD telah menyumbangkan tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang diterima dalam tahun 1996 yang dimasukkan di bawah Program Rizab Khas untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diberikan di bawah TPUK.

Berkuatkuasa pada 1 Januari 1999, MECD telah menggabungkan TPUK dan TUK. Penggabungan kedua-dua skim ini menghasilkan TUK yang baru. Tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang ada di bawah Rizab Program Khas boleh digunakan untuk menanggung perbelanjaan yang berkaitan dengan Unit Pinjaman Kecil (SLU) yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaksanaan skim TUK yang baru.

Sehubungan dengan itu, hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami daripada pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 20).

## 24. SKIM JAMINAN USAHAWAN KECIL (SJUK)

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan	79,000	50,000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	—	29,000
	<b>79,000</b>	<b>79,000</b>

Pada 15 Mei 2002, CGC telah membuat perjanjian dengan Kementerian Kewangan (MOF) yang menyumbang sebanyak RM50 juta bagi menubuhkan tabung jaminan yang dinamakan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK), bagi menampung kerugian. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun yang keenam dan dikenakan faedah pada kadar 3% setahun dari tarikh pengeluaran pada 14 November 2002. Walau bagaimanapun, pada 30 Ogos 2005, MOF telah bersetuju untuk tidak mengenakan sebarang faedah ke atas CGC. Dalam tahun 2009, CGC telah memohon penangguhan tempoh pembayaran balik daripada MOF, tetapi masih belum mendapat kelulusan.

Pada 30 Ogos 2005, CGC telah membuat perjanjian yang lain dengan MOF, untuk sumbangan tambahan berjumlah RM29 juta. Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun ke-6 dan tidak dikenakan sebarang faedah.

Skim ini adalah bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman dari RM10,000 hingga RM50,000 bagi modal pusingan dan/atau pembelian aset.

Dalam tahun 2010, Syarikat telah berbincang dengan Kemeterian Kewangan untuk pembayaran balik jumlah terhutang. Pelan pembayaran balik masih belum ditetapkan.

## 25. SKIM KEMUDAHAN PERMODENAN DAN BANTUAN PKS

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan	850,000	850,000

Dalam tahun 2008, CGC telah menandatangani perjanjian dengan Bank Negara Malaysia (BNM) yang telah bersetuju untuk menyalurkan RM850 juta ke dalam satu dana yang dikenali sebagai Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS.

- (a) Skim Kemudahan Permodenan PKS – RM350 juta
  - (i) RM50 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap ini akan digunakan sebagai dana jaminan (Dana Jaminan) untuk melunaskan tuntutan ke atas jaminan yang dikeluarkan oleh CGC di bawah Skim Kemudahan Permodenan PKS; dan

## 25. SKIM KEMUDAHAN PERMODENAN DAN BANTUAN PKS (SAMBUNGAN)

- (a) Skim Kemudahan Permodenan PKS – RM350 juta (Sambungan)
- (ii) RM300 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima digunakan sebagai dana pembayaran balik faedah yang bertujuan untuk pembayaran balik kadar faedah 2.5% setahun ke atas baki pinjaman di bawah Skim Kemudahan Permodenan PKS.
- (b) Skim Kemudahan Bantuan PKS – RM500 juta
- (i) RM100 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima daripada pelaburan di dalam akaun simpanan tetap akan digunakan sebagai dana jaminan (Dana Jaminan) untuk melunaskan tuntutan ke atas jaminan yang dikeluarkan oleh CGC di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS; dan
- (ii) RM400 juta akan dilaburkan dalam akaun-akaun simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan di Malaysia dan semua pendapatan yang diterima digunakan sebagai dana pembayaran balik faedah yang bertujuan untuk pembayaran balik kadar faedah 2.5% setahun ke atas baki pinjaman di bawah Skim Kemudahan Bantuan PKS.

Di dalam situasi di mana nilai pendahuluan di bawah kemudahan ini telah digunakan sepenuhnya, CGC boleh memohon untuk menambahkan jumlah pendahuluan dengan memindahkan jumlah yang ditentukan oleh BNM daripada kemudahan lain kepada kemudahan tersebut tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh BNM.

CGC akan membayar semula pendahuluan tanpa faedah ini kepada BNM seperti berikut:

- (i) Sejumlah RM350 juta untuk skim Kemudahan Permodenan PKS pada akhir tahun ke-8 dari tarikh pelaksanaan Perjanjian Pinjaman pada 18 November 2008; dan
- (ii) Sejumlah RM500 juta untuk skim Kemudahan Bantuan PKS pada akhir tahun ke-5 dari tarikh pelaksanaan Perjanjian Pinjaman pada 18 November 2008.

## 26. DANA-DANA KERAJAAN

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Perlu dibayar atas permintaan	150,000	300,000

## 26. DANA-DANA KERAJAAN (SAMBUNGAN)

Jumlah tersebut termasuk pelbagai pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM), dengan terma-terma berikut:

RM150 juta, bertujuan untuk dana pinjaman, di mana:

- (i) RM50 juta untuk TPPP 1992, dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikenakan faedah 1% setahun;
- (ii) RM100 juta untuk Tabung Pelaburan Baru (TPB), yang perlu dibayar balik pada 14 Disember 2006 selepas mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi penangguhan tarikh bayaran balik selama setahun. Dalam tahun 2009, CGC telah memohon penangguhan bayaran balik selama setahun tetapi kelulusan perlanjutan masih belum diterima.

Di dalam tahun semasa, dana ini telah dibayar balik mengikut terma pembayaran balik yang telah dipersetujui dengan penyedia-penyedia dana.

## 27. TABUNG USAHAWAN KECIL (TUK)

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010	2009
	RM'000	RM'000
Perlu dibayar bilamana dituntut	200,000	490,000

Skim ini adalah untuk membantu usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembiayaan di antara RM2,000 ke RM20,000 bagi tujuan modal pusingan dan/atau pembelian aset dengan pembiayaan bagi modal pusingan tidak melebihi RM10,000.

Pada 10 Disember 1998, CGC telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan yang telah menyumbang sebanyak RM50 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil (TUK). Pinjaman ini akan dibayar balik kesemuanya selepas 10 tahun atau apabila skim ini dimansuhkan, yang mana terdahulu. Dalam tahun 2008, CGC telah membuat permohonan kepada MOF bagi melanjutkan tarikh pembayaran balik tetapi kelulusan masih belum diterima lagi.

Peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta yang sebelum ini disediakan untuk TPPP 1992 telah dipindahkan dari dana kerajaan untuk digunakan bagi TUK. Jumlah ini dikecualikan dari faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan 10 tahun tarikh matang dari tarikh pengeluaran pada 18 Disember 1997. Dalam tahun 2007, CGC telah memohon kepada BNM untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik tetapi kelulusan belum diterima lagi.

Dalam tahun 1999, BNM telah memperuntukkan RM400 juta untuk tabung ini di mana RM300 juta telah dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 8 Julai 1999. RM100 juta dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 3 September 1999. Kedua-dua jumlah ini dikenakan faedah pada kadar 1% setahun. Dalam tahun 2004, CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari BNM. BNM bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

## 27. TABUNG USAHAWAN KECIL (TUK) (SAMBUNGAN)

CGC telah menamatkan pemberian pinjaman di bawah TUK sebagaimana yang telah diputuskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan berkuatkuasa pada 1 Januari 2000. Walau bagaimanapun, CGC terus mengendalikan pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini sebelum tarikh tersebut.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 20).

Di dalam tahun semasa, dana ini telah dibayar balik mengikut terma pembayaran balik yang telah dipersetujui dengan penyedia-penyedia dana.

## 28. PENDAPATAN TERTANGGUH

lanya merangkumi:

- (i) lanya merupakan pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan di dalam akaun-akaun simpanan tetap berjumlah RM850 juta yang diperuntukkan bagi skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS (Nota 25) dari BNM. Pendapatan tertangguh ini merupakan satu Dana Jaminan bagi menampung sebarang tuntutan ke atas jaminan-jaminan yang dikeluarkan oleh CGC terhadap skim-skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS dan juga Dana Pembayaran Balik Faedah bagi tujuan bayaran balik kadar faedah sebanyak 2.5% setahun ke atas baki di bawah skim-skim tersebut.
- (ii) Diskaun ke atas pinjaman-pinjaman yang dibeli daripada ERF Sdn. Bhd., dan
- (iii) Pendapatan belum diterima ke atas pinjaman Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i).

## 29. PERUNTUKAN UNTUK TUNTUTAN DI BAWAH SKIM-SKIM JAMINAN

	KUMPULAN/SYARIKAT	
	2010	2009
	RM'000	RM'000
<b>Peruntukan spesifik:</b>		
Pada 1 Januari	<b>311,313</b>	284,799
Peruntukan dalam tahun	<b>230,416</b>	325,229
Peruntukan tidak diperlukan dalam tahun	—	(16,195)
Tuntutan perlu dibayar	<b>(349,032)</b>	(282,520)
Pada 31 Disember	<b>192,697</b>	311,313
<b>Peruntukan am:</b>		
Pada 1 Januari	<b>31,668</b>	31,668
Peruntukan dalam tahun	<b>8,602</b>	—
Peruntukan tidak diperlukan dalam tahun	<b>(2,754)</b>	—
Pada 31 Disember	<b>37,516</b>	31,668
Jumlah	<b>230,213</b>	342,981

### 30. TABUNG SKIM PEMBIAYAAN FRANCAIS (FFS)

Pada 27 Oktober 1997, memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara CGC, MECD dan tiga buah bank bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais di bawah tabung yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Francais (SPF).

Maklumat terperinci berkaitan penerimaan pembayaran oleh CGC daripada MECD dalam bentuk dana jaminan dan subsidi ke atas faedah kepada peminjam-peminjam adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Dana Jaminan RM'000</b>	<b>Subsidi Faedah RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
1998	2,000	2,000	4,000
1999	2,000	—	2,000
2000	7,197	7,197	14,394
2002	1,450	1,450	2,900
2003	15,000	—	15,000

Program ini akan membolehkan usahawan-usahawan yang mengendalikan perniagaan francais yang berdaya maju mendapat akses kepada kemudahan kredit sehingga tahap maksima RM7.5 juta setiap seorang. Bank boleh mengenakan kadar faedah maksima KAP + 1.5% setahun ke atas peminjam. Walau bagaimanapun, MECD melalui CGC akan memberi subsidi ke atas bayaran faedah bagi mengurangkan kos pinjaman peminjam.

### 31. PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA (TEB)

Program ini adalah usahasama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Affin Bank Berhad dan CGC, bertujuan untuk menggalakkan belia di negara ini menceburi bidang perniagaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan.

Memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh tiga pihak pada 15 Julai 1997 di mana Kementerian Belia dan Sukan telah menyumbang sebanyak RM7.6 juta yang mana telah dimasukkan ke dalam Rizab Program Khas.

Program ini akan membolehkan belia-belia mendapatkan pinjaman kecil di antara RM5,000 ke RM50,000 dengan kadar faedah maksima sebanyak KAP + 2% setahun. Walau bagaimanapun, kos kepada peminjam adalah 2% setahun sahaja. Perbezaan di antara kos yang dikenakan oleh bank dan kos kepada peminjam akan ditampung melalui subsidi dari kerajaan.

### 32. TABUNG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA 2 (TIKS 2)

Berkuatkuasa pada 3 April 2000, kerajaan telah memutuskan supaya Tabung Industri Kecil dan Sederhana yang dikendalikan oleh BNM ditamatkan oleh kerana peruntukan sejumlah RM1,850,000,000 telah digunakan sepenuhnya dalam masa 2 tahun sejak dari tarikh ianya diperkenalkan pada 2 Januari 1998.

Bagi memenuhi permintaan pinjaman dari Industri Kecil dan Sederhana (IKS), kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan satu lagi tabung iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2) berjumlah RM200,000,000 di mana CGC telah dilantik untuk menguruskannya.



### 32. TABUNG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA 2 (TIKS 2) (SAMBUNGAN)

Skim ini bertujuan untuk membantu IKS di dalam sektor yang terpilih, iaitu sektor perkilangan dan perkhidmatan, samada menembusi pasaran eksport atau menyediakan jalinan kepada industri yang berorientasikan eksport dengan pembiayaan sehingga RM1 juta kepada setiap pelanggan untuk tujuan modal pusingan.

Tambahan sebanyak RM200 juta lagi telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam tahun 2001. Pembayaran balik akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana di bawah TIKS 2 telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun. Mulai dari 17 Oktober 2002, BNM telah mengambilalih pentadbiran tabung TIKS 2 dan juga Tabung TUB 2 dari CGC. Walau bagaimanapun, CGC masih terus menguruskan pinjaman yang telah diterima sebelum 17 Oktober 2002.

### 33. PROJEK USAHAWAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERUNCITAN (PROSPER)

Skim PROSPER telah diperkenalkan pada Ogos 2000 dalam usaha untuk menggalakkan lebih penglibatan usahawan Bumiputra di dalam perniagaan peruncitan di seluruh Malaysia. Di bawah skim ini, empat pihak utama yang terlibat iaitu:-

- (i) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB);
- (ii) TPPT Sdn. Bhd.;
- (iii) Institusi Kewangan Terlibat (buat masa ini hanya Malayan Banking Berhad sahaja); dan
- (iv) CGC.

Kemudahan-kemudahan skim PROSPER disediakan di bawah Skim Jaminan Anjal CGC dengan Lindungan Jaminan 100%.

Pada 3 Mac 2005, CGC telah menerima sejumlah RM30 juta sebagai geran daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dana ini akan digunakan untuk memenuhi kerugian pinjaman yang mungkin dihadapi di bawah skim ini.

### 34. HASIL

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Yuran jaminan	<b>108,816</b>	146,146	<b>108,816</b>	146,146
Faedah - Simpanan bertempoh	<b>78,372</b>	124,873	<b>78,372</b>	124,873
- Bon Cagamas	<b>2,613</b>	2,357	<b>2,613</b>	2,357
- Lain-lain bon	<b>35,125</b>	15,071	<b>35,125</b>	15,071
- Repo	<b>2,068</b>	—	<b>2,068</b>	—
- TPUB	<b>8,165</b>	—	<b>8,165</b>	—
Untung dari jualan pelaburan sekuriti	<b>3,298</b>	498	<b>3,298</b>	498
Yuran jaminan berportfolio	<b>3,389</b>	635	<b>3,389</b>	635
Pendapatan faedah dari pinjaman SJLT yang ditebus	<b>6,006</b>	17	<b>6,006</b>	17
Yuran penyertaan	<b>191</b>	135	—	—
Pendapatan dari laporan	<b>351</b>	300	—	—
Yuran penyeliaan	<b>62</b>	—	—	—
Pekej prabayar	<b>841</b>	—	—	—
Penjanaan "lead"	<b>148</b>	—	—	—
Pengesahan penilaian	<b>58</b>	—	—	—
Untung dari Pelaburan melalui Pengurus Dana	<b>12,334</b>	—	<b>12,334</b>	—
Pelupusan premium pelaburan sekuriti	<b>(4,177)</b>	—	<b>(4,177)</b>	—
	<b>257,660</b>	290,032	<b>256,009</b>	289,597

### 35. KOS PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

	KUMPULAN	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Kos-kos memproses data	<b>101</b>	70
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 7)	<b>242</b>	242
Pelupusan aset-aset tak ketara (Nota 8)	<b>1,608</b>	1,412
Penyelenggaraan komputer	<b>1,391</b>	1,193
Sewaan pusat data	<b>115</b>	115
	<b>3,457</b>	3,032

36. UNTUNG/(RUGI) BERSIH SEBELUM CUKAI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Keuntungan ini diperolehi selepas ditolak/(ditambah):				
Bayaran pengarah-pengarah	1,159	949	1,159	949
Yuran pengarah-pengarah	311	135	183	91
Elaun mesyuarat pengarah-pengarah	596	232	426	189
Pelbagai ganjaran pengarah-pengarah	31	31	31	31
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	3,114	3,123	2,972	3,018
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan (Nota 7)	6,679	5,844	6,297	5,446
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	6	1	6	1
Keuntungan dari jualan harta tanah, loji dan peralatan	—	(36)	—	(36)
Pelupusan dari aset-aset tak ketara (Nota 8)	2,989	2,050	1,382	638
Bayaran juruaudit	64	45	60	40
Peruntukan tuntutan (Bersih)	227,662	309,034	227,662	309,034
Elaun untuk rosotnilai (Bersih)	12,231	(2,260)	12,231	(2,260)
Peruntukan bagi penyusutan nilai pelaburan dalam bon-bon	—	6,431	—	6,431
Perbelanjaan sewa	1,006	926	891	811
Pendapatan sewa	(213)	(213)	(354)	(354)
Untung atas jualan bon-bon	(3,298)	(498)	(3,298)	(498)

### 37. CUKAI

	KUMPULAN	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Cukai untuk tahun semasa	—	—

Penyesuaian berangka di antara kadar cukai di Malaysia dan kadar cukai efektif purata adalah seperti berikut:

	KUMPULAN	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Untung/(rugi) sebelum cukai	17,305	(41,705)
Kadar cukai di Malaysia 25% (2009: 25%)	4,326	(10,426)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	3,252	7,507
Kerugian perniagaan tahun semasa dibawa ke hadapan	—	2,919
Pendapatan terkecuali dari cukai	(4,659)	—
Kerugian perniagaan tahun semasa dibawa ke hadapan	(2,919)	—
	—	—

CGC telah diberikan pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun dari tahun taksiran 2002 di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

### 38. PERUBAHAN DI DALAM PERATURAN PEGANGAN EFEKTIF DI DALAM ANAK SYARIKAT

Dalam 2010, Syarikat telah mengurangkan pegangan saham di dalam anak syarikat CBMSB, dari 100% kepada 55%. Pengurangan tersebut adalah hasil daripada terbitan saham baru kepada pemegang saham yang baru bagi CBMSB. Perubahan dalam komposisi Kumpulan diambilkira sebagai transaksi ekuiti di antara Kumpulan dan pemegang saham minoriti. Perbezaan di antara kepentingan Syarikat di dalam aset bersih sebelum dan selepas perubahan berkenaan diselaraskan ke atas rizab Kumpulan.

### 38. PERUBAHAN DI DALAM PERATURAN PEGANGAN EFEKTIF DI DALAM ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

#### Perubahan di dalam bahagian Perbadanan daripada aset/(liabiliti) bersih CBMSB

	Sebaik sebelum terbitan baru RM'000	Sebaik selepas terbitan baru RM'000	Perubahan dalam aset bersih RM'000
Aset bersih CBMSB	(9,275)	8,725	
Pegangan ekuiti	100%	55%	
Bahagian daripada aset bersih CBMSB	(9,275)	4,799	14,074

#### Kepentingan minoriti

	Pegangan Ekuiti RM'000	Aset/ (liabiliti) Bersih RM'000	RM'000
Sebaik sebelum terbitan baru	0%	(9,275)	—
Sebaik selepas terbitan baru	45%	8,725	3,926
Bahagian daripada aset bersih yang telah diperolehi			3,926
Kos saham baru 8,100,000 x RM1			8,100
Pengurangan bersih - Lebihan kos ke atas nilai buku			(4,174)

### 39. LIABILITI LUARJANGKA

CGC mempunyai liabiliti luarjangka kerana jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang telah diberikan oleh institusi-institusi kewangan kepada peminjam di bawah pelbagai skim Syarikat.

	KUMPULAN	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Jumlah kemudahan kredit yang telah dijamin oleh CGC di bawah Skim-skim Jaminan	<b>3,613,351</b>	3,659,599
Liabiliti luarjangka yang terhasil	<b>2,862,936</b>	3,146,248
Tolak: Jumlah yang dianggarkan lapuk dan ragu di mana peruntukan telah dibuat	<b>253,104</b>	353,811
Jumlah diperuntukkan ke Rizab untuk memenuhi tuntutan di masa hadapan	<b>475,940</b>	423,891
	<b>729,044</b>	777,702
Liabiliti luarjangka bersih	<b>2,133,892</b>	2,368,546

#### 40. KOMITMEN-KOMITMEN MODAL

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukkan di dalam penyata kewangan:-				
Diluluskan dan dimeterai	593	811	593	171
Diluluskan tetapi tidak dimeterai	14,711	7,475	9,411	7,475
	<b>15,304</b>	8,286	<b>10,004</b>	7,646
Komitmen untuk melanggan saham-saham dalam Aureos Malaysia Fund LLC	21,155	26,749	21,155	26,749

#### 41. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN

- A. Nilai saksama bagi instrumen kewangan mengikut kelas-kelas yang tidak dibawa pada nilai saksama dan jumlah dibawa adalah tidak berpadanan berbanding dengan nilai saksama:

Nota	KUMPULAN/SYARIKAT			
	2010 RM'000 Jumlah dibawa	2010 RM'000 Nilai saksama	2009 RM'000 Jumlah dibawa	2009 RM'000 Nilai saksama
<b>Liabiliti-liabiliti Kewangan:</b>				
Pinjaman (bukan semasa)				
- Pinjaman dari Bank				
Negara Malaysia	22	800,000	341,312	1,250,000
722,490				
- Skim Jaminan				
Usahawan Kecil	24	—	—	29,000
26,000				
- Skim Kemudahan				
Permodenan				
dan Bantuan PKS	25	850,000	681,350	850,000
642,783				

#### 41. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN-INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

##### B. Penentuan nilai saksama

Instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dan jumlah dibawa adalah berpadanan berbanding dengan nilai saksama.

Berikut adalah kelas-kelas instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dan jumlah dibawa adalah berpadanan berbanding dengan nilai saksama:

Nota	Aset-aset Kewangan
<b>Aset-aset Kewangan</b>	
Yuran akan diterima	—
Jumlah belum berbayar dari subsidiari	12
Jumlah belum berbayar dari	
Bank Negara Malaysia (semasa)	13
Jumlah belum berbayar dari subsidiari	14
Jumlah belum berbayar dari	
Entrepreneur Rehabilitation Fund Sdn. Bhd.	—
Penghutang-penghutang perniagaan dan lain-lain	—
Pinjaman dan pendahuluan	15
<b>Liabiliti-liabiliti Kewangan</b>	
Tuntutan akan dibayar	—
Pemiutang-pemiutang lain	—
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia (semasa)	22
Dana-dana Kerajaan	26
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (semasa)	23
Skim Jaminan Usahawan Kecil (semasa)	24
Tabung Usahawan Kecil	27

Jumlah dibawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah berpadanan berbanding dengan nilai saksama, samada kerana aset-aset dan liabiliti-liabiliti berkenaan adalah berbentuk jangka pendek atau aset-aset dan liabiliti-liabiliti tersebut dinilai pada kadar faedah pasaran.

## 42. TRANSAKSI-TRANSAKSI KETARA DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Pihak yang berkaitan dan hubungannya dengan CGC adalah seperti berikut:

(a) Kakitangan pengurusan utama terdiri daripada individu-individu yang memiliki kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Syarikat secara langsung atau tidak langsung dan dianggotai oleh Pengarah Urusan sahaja.

(b) Lain-lain pihak yang berkaitan adalah seperti berikut:

<b>Nama Syarikat</b>	<b>Hubungan</b>
Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd.	Syarikat subsidiari
Aureos CGC Advisers Sdn. Bhd.	Syarikat bersekutu
Danajamin Nasional Berhad	Syarikat bersekutu
Bank Negara Malaysia	Pihak berkaitan

(i) Imbuan kakitangan pihak pengurusan utama

	<b>KUMPULAN/SYARIKAT</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Gaji-gaji dan lain-lain perbelanjaan kebajikan pekerja jangka pendek	<b>1,159</b>	949

(ii) Baki-baki dengan pihak yang berkaitan yang telah diambil kira di dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	<b>KUMPULAN</b>		<b>SYARIKAT</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Jumlah belum dibayar (kepada)/dari subsidiari	—	—	<b>(751)</b>	15,548
Jumlah belum dibayar dari syarikat bersekutu	—	105	—	105

Jumlah belum dibayar dari/(kepada) Bank Negara Malaysia:-

	<b>KUMPULAN/SYARIKAT</b>	
	<b>2010</b>	<b>2009</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
(i) SKJK dan SKJK 2	<b>3,221</b>	7,153
(ii) Dana Rizab Jaminan	—	(100,000)
(iii) TUK	<b>(200,000)</b>	(720,000)
(iv) TIKS 2	<b>(200,000)</b>	(400,000)
(v) TUB 2	<b>(250,000)</b>	(250,000)
(vi) TPPP	—	(50,000)
(vii) SPKP	—	(20,000)
(viii) Skim Kemudahan Permodenan dan Bantuan PKS	<b>(850,000)</b>	(850,000)
(ix) Danajamin Nasional Berhad	<b>(500,000)</b>	(500,000)
(x) TPUB-i	<b>(300,000)</b>	(300,000)



## 42. TRANSAKSI-TRANSAKSI KETARA DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

- (b) Lain-lain pihak yang berkaitan dan hubungannya dengan CGC adalah seperti berikut:  
(Sambungan)
- (iii) Butiran-butiran transaksi-transaksi yang ketara antara CGC dan pihak-pihak yang berkaitan pada tahun ini adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Yuran penyertaan dikenakan oleh subsidiari	—	—	5	5
Yuran laporan dikenakan oleh subsidiari	—	—	84	127
Pakej prabayar dikenakan oleh subsidiari	—	—	207	—
Sewa pejabat dikenakan kepada subsidiari	—	—	(141)	(141)
Yuran pengurusan dikenakan kepada subsidiari	—	—	(112)	(118)
Faedah yang diperolehi daripada subsidiari	—	—	(141)	(426)
Perbelanjaan faedah dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh BNM	6,995	12,375	6,995	12,375
Yuran pengurusan dikenakan kepada BNM	(680)	(680)	(680)	(680)

## 43. PENGURUSAN MODAL

Objektif utama Syarikat adalah memastikan bahawa ianya mempunyai Nisbah Jaminan Rizab (NJR) yang mencukupi untuk menyokong perniagaan pemberian jaminan serta memaksimumkan nilai pemegang saham.

Syarikat menguruskan struktur modalnya dan membuat pelarasan kepadanya, berikutan perubahan di dalam keadaan ekonomi. Syarikat mungkin menerbitkan saham baru atau memulangkan modal kepada pemegang sahamnya untuk mengekalkan atau membuat perubahan kepada struktur modalnya. Tiada perubahan dibuat kepada objektif dan polisi pengurusan modal di dalam tahun kewangan berakhir 2010 dan 2009.

Syarikat memantau modal dan keupayaannya untuk memberikan jaminan dengan merujuk kepada NJR, yang mana adalah 4.72 kali pada 31 Disember 2010 (2009: 5.17). Polisi Syarikat adalah untuk mengekalkan NJR yang kurang dari 6 kali.

# PENYATA LEMBAGA PENGARAH/ PERAKUAN BERKANUN

## PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Kami, MD. YUSOF HUSSIN dan ZAITON MOHD HASSAN, dua orang daripada pengarah CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 133 ke 191 telah disediakan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 serta keputusan dan aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh yang tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



**MD. YUSOF HUSSIN**



**ZAITON MOHD HASSAN**

Kuala Lumpur,  
Tarikh: 29 April 2011

## PERAKUAN BERKANUN

Saya, DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD, pengarah yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 133 ke 191 pada pendapat saya adalah betul dan saya membuat pengakuan yang ikhlas ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )  
penama yang tersebut di atas )  
DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD )  
di Kuala Lumpur dalam )  
Wilayah Persekutuan pada 29 April 2011. )



**DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD**

Di hadapan saya,



84, Tingkat Bawah, Jalan Tuha,  
Off Jalan Kampung Allap,  
50460 Kuala Lumpur

# LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA AHLI-AHLI CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD  
(No. Syarikat: 12441-M)

## Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada mukasurat 133 hingga 191.

### *Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Laporan Penyata Kewangan*

Lembaga pengarah CGC bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salahnyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

### *Tanggungjawab Juruaudit*

Kami bertanggungjawab untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan kerja pengauditan kami. Kami telah menjalankan kerja-kerja audit berdasarkan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas dari salahnyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk CGC dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak CGC. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah pada pendapat kami.

### *Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan dan peruntukan Akta Syarikat 1965, di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan 31 Disember 2010 serta prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

## Laporan tentang Undang-undang dan Peraturan Lain

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- a) Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiarinya telah disimpan dengan wajar dan sempurna mengikut kehendak akta tersebut.
- b) Kami berpuashati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.
- c) Laporan audit kami ke atas penyata kewangan subsidiari tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3), Akta tersebut.

## Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain di atas kandungan laporan ini.



**SALLEH, LEONG, AZLAN & CO.**

AF: 0010

Akauntan Bertauliah



**NG ENG KIAT**

1064/03/13(J/PH)


Rakan Firma

Kuala Lumpur,

29 April 2011

# BRANCH NETWORK

## JARINGAN CAWANGAN



### CLIENT SERVICE CENTRE/ PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Level 2, Bangunan CGC  
Kelana Business Centre  
No. 97, Jalan SS7/2  
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Hotline : 03-7 88 000 88  
Facsimile : 03-7803 0077  
Person to Contact : Firdaus Abdullah  
Email : [csc@cgc.com.my](mailto:csc@cgc.com.my)

### MAIN BRANCH/ CAWANGAN UTAMA

Level 3, Bangunan CGC  
Kelana Business Centre  
No. 97, Jalan SS7/2  
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Phone : 03-7804 8100  
Facsimile : 03-7806 1290  
Person to Contact : A'nas Salehuddin  
Email : [anas@cgc.com.my](mailto:anas@cgc.com.my)

**Alor Setar**

5 GF, Kompleks Perniagaan Utama  
 Sultanah Sambungan  
 Lebuhraya Sultanah Bahiyah  
 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman  
 Phone : 04-731 2300  
 Facsimile : 04-734 1500  
 Person to Contact : Norella Shaik Haroon  
 Email : norella@cgc.com.my

**Prai**

Lot 9G, No. 2782, Taman Inderawasih  
 Jalan Chain Ferry, 13700 Prai, Pulau Pinang  
 Phone : 04-399 2400  
 Facsimile : 04-397 5434  
 Person to Contact : Wan Faizah Zakaria  
 Email : faizah@cgc.com.my

**Ipoh**

No. 50, Ground Floor, Persiaran Greenhill  
 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
 Phone : 05-243 3900  
 Facsimile : 05-243 4900  
 Person to Contact : Azlina Ahmad Azman  
 Email : azlina@cgc.com.my

**Kuala Terengganu**

Ground Floor, 111A, Jalan Batas Baru  
 20300 Kuala Terengganu  
 Terengganu Darul Iman  
 Phone : 09-625 2400  
 Facsimile : 09-625 2399  
 Person to Contact : Ruslan Yusoff  
 Email : ruslan@cgc.com.my

**Kuala Lumpur**

No. 34A-0-1, Jalan 1/27F  
 Pusat Bandar Wangsa Maju  
 53300 Kuala Lumpur  
 Phone : 03-4149 6476  
 Facsimile : 03-4149 1237  
 Person to Contact : Punitha a/p Jeyabalan  
 Email : punitha@cgc.com.my

**Melaka**

111, Ground Floor, Jalan TMR 24  
 Taman Melaka Raya, 75000 Melaka  
 Phone : 06-284 4300  
 Facsimile : 06-283 2205  
 Person to Contact : Chua Lee Ying  
 Email : lychua@cgc.com.my

**Kota Bharu**

P.T. 164, Ground Floor, Section 26  
 Jalan Dusun Muda, 15400 Kota Bharu  
 Kelantan Darul Naim  
 Phone : 09-743 7730  
 Facsimile : 09-743 7752  
 Person to Contact : Md Yusof Omar  
 Email : md\_yusof@cgc.com.my

**Kota Kinabalu**

Unit No. 5/G6, Ground Floor, Api-Api Centre  
 Jalan Centre Point, 88000 Kota Kinabalu, Sabah  
 Phone : 088-538 300  
 Facsimile : 088-538 700  
 Person to Contact : Agnes Vivvy Toisin  
 Email : agnesvivvy@cgc.com.my

#### **Kuching**

192L, Ground Floor, Lot 468  
Al-Idrus Commercial Centre  
Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak  
Phone : 082-424 200  
Facsimile : 082-427 300  
Person to Contact : Sulaiman Abdullah @  
Sulai Dubin  
Email : sulaiman@cgc.com.my

#### **Kuantan**

No. A-97, Ground Floor, Sri Dagangan Kuantan  
Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Phone : 09-513 9277/513 3561/  
513 3724  
Facsimile : 09-513 9577  
Person to Contact : Khalipudza @ Liza Abd  
Kahar  
Email : khalipudza@cgc.com.my

#### **Seremban**

No. 21, Jalan Durian Emas 3  
Betaria Business Centre  
70400 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus  
Phone : 06-761 2400  
Facsimile : 06-761 2477  
Person to Contact : Aiza Hj Mat Zip  
Email : aiza@cgc.com.my

#### **Johor Bahru**

No. 46, Jalan Sulam, Taman Sentosa  
80150 Johor Bahru, Johor Darul Takzim  
Phone : 07-338 2788  
Facsimile : 07-334 4977  
Person to Contact : Khairunizan Mohamed  
Taufek  
Email : khairunizan@cgc.com.my

#### **Batu Pahat**

No. 20, Jalan Maju, Taman Maju Bukit Pasir  
83000 Batu Pahat, Johor Darul Takzim  
Phone : 07-432 2633  
Facsimile : 07-432 3088  
Person to Contact : Halim Abu @ Abu Hassan  
Email : halim@cgc.com.my

#### **Sandakan**

Lot 8, Block 1, Jalan Labuk, Bandar Indah  
Mile 4, 90000 Sandakan, Sabah  
Phone : 089-224 698  
Facsimile : 089-224 963  
Person to Contact : Zairul Hijoo  
Email : zairul@cgc.com.my

#### **Miri**

Lot 789 (Ground Floor) Block 9  
MCLD Bintang Jaya Commercial Centre  
98000 Miri, Sarawak  
Phone : 085-421 270  
Facsimile : 085-410 370  
Person to Contact : Mohamed Suffri Mohamed  
Yusop  
Email : suffri@cgc.com.my

This page has been intentionally left blank.  
*Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.*





PROXY FORM

I/We \_\_\_\_\_
of \_\_\_\_\_
being a member of the abovenamed Company, hereby appoint \_\_\_\_\_
of \_\_\_\_\_ or failing him

as my proxy/our proxy to vote for me/us on my/our behalf at the Thirty Eighth Annual General Meeting of the Company to be held on Monday, 23 May 2011, at 12.00 noon and at any adjournment thereof in the manner indicated below.

Table with 2 columns: For, Against. Rows: Resolution 1, Resolution 2, Resolution 3, Resolution 4.

(Please indicate with a cross (x) in the spaces provided whether you wish your votes to be cast for or against the Resolutions. In the absence of specific directions, your proxy will vote or abstain as he thinks fit).

Signed this \_\_\_\_\_ day of \_\_\_\_\_ 2011.

Signature

Note:

- 1. A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote for him; a proxy or an attorney need not be a member of the Company.
2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly authorised in writing or if the appointer is a Corporation under the hand of an officer of the Corporation.
3. The instrument appointing a proxy and the power of the attorney or other authority, if any, under which it is signed, or a notarially certified copy of that power of authority shall be deposited at the Registered Office of the Company - Level 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.

Fold Here

STAMP

COMPANY SECRETARY  
CREDIT GUARANTEE CORPORATION  
MALAYSIA BERHAD (12441-M)  
Level 13, Bangunan CGC, Kelana Business Centre  
No. 97 Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

Fold Here